

**BELUM DISUNTING**



**D r a f**

**PENYATA RASMI**

**PERSIDANGAN PERTAMA,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA,  
DEWAN NEGERI YANG KEDUA BELAS  
PERAK DARUL RIDZUAN  
PADA HARI ISNIN, 10 NOVEMBER 2008**

**PERAK DARUL RIDZUAN**  
**DEWAN NEGERI YANG KEDUA BELAS**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA,**

---

**Persidangan Pertama, pada hari Isnin, 10 November 2008**

---

di Dewan Mesyuarat, Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh  
mulai jam 10.00 pagi

**YANG HADIR**

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan  
Encik Sivakumar a/l Varatharaju Naidu (Kawasan Tronoh)

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak Darul Ridzuan,  
Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin, SPMP.  
(Kawasan Pasir Panjang)

Yang Berhormat Dato' Ngeh Koo Ham, DPMP. (Kawasan Sitiawan)

Yang Berhormat Encik Tai Sing Ng (Kawasan Kuala Sepetang)

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zainudin bin Mohd. Yusof  
(Kawasan Lubok Merbau)

Yang Berhormat Encik Nga Kor Ming (Kawasan Pantai Remis)

Yang Berhormat Encik Sivanesan a/l Achalingam (Kawasan Sungkai)

Yang Berhormat Encik Seah Leong Peng (Kawasan Pasir Berdamai)

Yang Berhormat Encik Jamaluddin bin Mohd. Radzi (Kawasan Behrang)

Yang Berhormat Kapt. (B) Mohd. Osman bin Mohd. Jailu  
(Kawasan Changkat Jering)

Yang Berhormat Encik Chen Fook Chye (Kawasan Keranji)

Yang Berhormat Encik Su Keong Siong (Kawasan Pasir Pinji)

Yang Berhormat Puan Hee Yit Foong (Kawasan Jelapang)

- Yang Berhormat Drs. Khalil Idham Lim bin Abdullah (Kawasan Titi Serong)
- Yang Berhormat Encik Abdul Yunus bin Jamahri (Kawasan Kuala Kurau)
- Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Tusin (Kawasan Gunung Semanggol)
- Yang Berhormat Tuan Haji Husin bin Haji Din (Kawasan Selinsing)
- Yang Berhormat Encik Yee Seu Kai (Kawasan Pokok Assam)
- Yang Berhormat Encik Yew Tian Hoe (Kawasan Aulong)
- Yang Berhormat Cik Leong Mee Meng (Kawasan Jalong)
- Yang Berhormat Encik Wong Kah Woh (Kawasan Canning)
- Yang Berhormat Encik Ong Boon Piow (Kawasan Tebing Tinggi)
- Yang Berhormat Encik Sun Cheok Leng (Kawasan Bercham)
- Yang Berhormat Encik Loke Chee Yan (Kawasan Kepayang)
- Yang Berhormat Encik Sivasubramaniam a/l Athinarayanan (Kawasan Buntong)
- Yang Berhormat Puan Lim Pek Har (Kawasan Menglembu)
- Yang Berhormat Encik Keshvinder Singh a/l Kashmir Singh  
(Kawasan Malim Nawar)
- Yang Berhormat Encik Chan Ming Kai (Kawasan Simpang Pulau)
- Yang Berhormat Encik Chang Lih Kang (Kawasan Teja)
- Yang Berhormat Encik Kesavan a/l Subramaniam (Kawasan Hutan Melintang)
- Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Anuar bin Sudin (Kawasan Changkat Jong)
- Yang Berhormat Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd Ghazali, SPSA.,  
SPMP., DGSM., DPMP., AMP. (Kawasan Pengkalan Hulu)
- Yang Berhormat Dato' Ramly bin Zahari, DPCM., KMN., AMP., PPT.  
(Kawasan Manong)
- Yang Berhormat Dato' Saarani bin Mohamad, DPCM., AMP., PJK.  
(Kawasan Kota Tampan)
- Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hassan, DPMP., AMP., PPT.  
(Kawasan Belanja)

Yang Berhormat Dato' Dr. Zambry bin Abd. Kadir, DPMP., AMS. (Kawasan Pangkor)

Yang Berhormat Dato' Siti Salmah binti Mat Jusak, DPCM., PPT., PJK. (Kawasan Chenderoh)

Yang Berhormat Dato' Hamdi bin Haji Abu Bakar, DPMP., PMP., AMP., PPT., JP. (Kawasan Pengkalan Baharu)

Yang Berhormat Dato' Haji Nadzri bin Ismail, DPMP., PMP., AMP., PPT. (Kawasan Manjoi)

Yang Berhormat Dato' Hasbullah bin Osman, DPMP., AMP., JP (Kawasan Temengor)

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Tarmizi bin Idris, AMP., PJK. (Kawasan Kenering)

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad Daud bin Mohd Yusoff, DPMP., AMP., PJK. (Kawasan Selama)

Yang Berhormat Kapt (B) Dato' Haji Mohd Najmuddin bin Elias Al-Hafiz, DPNS., PPA., PPS., JP. (Kawasan Batu Kurau)

Yang Berhormat Encik Sham bin Mat Sahat, PPN., PJK. (Kawasan Alor Pongsu)

Yang Berhormat Datuk Haji Rosli bin Husin, DMSM., AMP., PPT. (Kawasan Trong)

Yang Berhormat Datuk Ahamad Pakeh Adam, DMSM., AMN., PPT., PJK. (Kawasan Lintang)

Yang Berhormat Puan Hamidah binti Osman, PJK. (Kawasan Sungai Rapat)

Yang Berhormat Dato' Samsudin bin Abu Hasan, DPMP., AMP., PPT. (Kawasan Ayer Kuning)

Yang Berhormat Encik Sha'arani bin Mohamad (Kawasan Rungkup)

Yang Berhormat Dato' Khusairi bin Abdul Talib, DPMP., BSK., PPT. (Kawasan Slim)

Yang Berhormat Dr. Wan Norashikin binti Wan Noordin (Kawasan Kampung Gajah)

Yang Berhormat Mulia Dato' Seri Raja Haji Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, SSAP., PJN., SIMP., DSAP., DPMP., DMSM., PMP., AMP., PPT., JP. (Kawasan Kubu Gajah)

Yang Berhormat Encik Mohammad Zahir bin Abdul Khalid (Kawasan Kamunting)

Yang Berhormat Dato' Rusnah binti Kassim (Kawasan Hulu Kinta)

Yang Berhormat Dato' Wan Mohammad Khai-ril Anuar bin Wan Ahmad  
(Kawasan Bukit Chandan)

Yang Berhormat Dato' Nasarudin bin Hashim (Kawasan Bota)

Yang Berhormat Puan Nolee Ashilin binti dato' Mohammed Radzi  
(Kawasan Tualang Sekah)

Yang Berhormat Dr. Mah Hang Soon (Kawasan Chenderiang)

Yang Berhormat Encik Zainol Fadzi bin Paharudin (Kawasan Sungai Manik)

### **YANG TURUT HADIR**

(Mengikut Fasal XLVIII, Bahagian Pertama  
Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak)

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak  
(Y.B. Dato' Dr. Abdul Rahman bin Hashim, DPCM., PCM.)

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan  
(Y.B. Dato' Jamalludin Al Amini bin Haji Ahmad, DPCM., DPMP., PMP., PPT.)

### **SETIAUSAHA DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Encik Abdullah bin Antong Sabri

**SETIAUSAHA:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang kita mulakan Persidangan Pertama, Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama, Dewan Negeri Yang Kedua Belas Perak Darul Ridzuan pada hari Isnin, 10 November 2008 jam 10.00 pagi dengan urusan perkara yang pertama iaitu Bacaan Doa.

## I. BACAAN DOA

Setiausaha Dewan membaca doa.

## II. PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA:** Salam sejahtera saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pengarah-Pengarah Jabatan, Pegawai-Pegawai, pihak media massa dan para hadirin yang saya hormati sekalian. Dengan ini bermulalah Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama, Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Yang Kedua Belas. Persidangan bermula pada hari ini dan berakhir pada 13 November 2008 iaitu selama empat hari. Seperti biasa kita mulakan Dewan dengan soalan-soalan lisan yang dikemukakan oleh ADUN-ADUN dan dijawab oleh pihak kerajaan. Sessi soal jawab selama 1 ½ jam pada tiap-tiap hari. Setiap soalan lisan yang dijawab bolehlah diikuti dengan dua soalan tambahan. Secara khusus persidangan ini tertumpu kepada Enakmen Perbekalan 2009. Saya memohon jasa baik Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya menggunakan peluang ini secara profesional untuk membahaskan bajet tersebut. Saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak akan mensia-siakan masa dan tenaga dengan menimbulkan kekecohan yang tidak diinginkan seperti persidangan yang lepas. Saya juga ingin mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya tidak menimbulkan isu-isu sensitif dalam dewan yang mulia ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat dinasihatkan supaya memberi keutamaan kepada masalah rakyat dan pembangunan Negeri Perak secara khususnya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah diingatkan agar menghormati dan mematuhi Perintah Tetap dewan yang mulia ini supaya persidangan ini dapat dijalankan dengan lancar dan teratur. Semua Ahli-Ahli Yang Berhormat telah diminta berucap dan membahaskan dengan mematuhi segala tatasusila dewan supaya dewan ini dihormati dan disanjung oleh orang ramai. Semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap perlu meminta keizinan dari Tuan Yang Dipertua terlebih dahulu. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita tidak akan berhenti untuk makan tengahari. Oleh yang demikian, Ahli-Ahli Yang Berhormat bolehlah keluar secara bergilir-gilir untuk makan tengahari.

### **III. MEMBENTANGKAN SURAT-SURAT DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA:** Membentang surat-surat Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan:

- (1) 8/2008 - Bajet Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2009 Mengurus dan Pembangunan.
- (2) 9/2008 - Akaun Awam Negeri Perak Tahun 2007.
- (3) 10/2008 - Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak bagi tahun 2007.
- (4) 11/2008 - Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.
- (5) 12/2008 - Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Yayasan Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2006.
- (6) 13/2008 - Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Penanam Padi Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2006.
- (7) 14/2008 - Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Penanam Padi Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.
- (8) 15/2008 - Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Perak, Aktiviti dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Perak serta Ringkasan Teguran Ketua Audit Negara Tahun 2007 dan Memorandum Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Perak.

### **IV. SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS**

#### **SOALAN-SOALAN LISAN**

**Y.B. DATO' YANG DIPERTUA:** Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pokok Assam.

**(1) Y.B. ENCIK YEE SEU KAI (POKOK ASSAM)**

Adakah Kerajaan Negeri akan menghidupkan industri bijih timah memandangkan minat untuk melabur dalam industri perlombongan bijih timah timbul kembali disebabkan harga tinggi bijih timah di pasaran antarabangsa.

**Y.A.B. MENTERI BESAR :** Kerajaan Negeri sememangnya menggalakkan pelabur-pelabur untuk membangunkan industri perlombongan bijih timah selaras dengan Dasar Mineral Negara yang menggalakkan pengusaha hasilkan mineral terutamanya bijih timah. Namun begitu, Kerajaan Negeri juga mengambil kira pertimbangan lain seperti lokasi, kesan terhadap alam sekitar serta potensi sebenar kawasan yang dicadangkan untuk perlombongan. Kajian daya maju yang terperinci hendaklah dijalankan oleh pemohon memandangkan peningkatan kos operasi. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri mulai 1.1.2008 untuk menimbang permohonan mineral termasuk bijih timah. Tujuan jawatankuasa ini adalah untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri (MMK) menimbang permohonan-permohonan untuk mendapatkan lesen perlombongan di negeri ini.

Penguatkuasaan Enakmen Mineral Perak dan Peraturan Mineral Perak telah dikuatkuasakan pada 1.1.2008. Terima kasih.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA :** Soalan tambahan. Ya..Pokok Assam.

**Y.B. ENCIK YEE SEU KAI :** Terima kasih Tuan YDP. Dengan izinnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sila beritahu dewan yang mulia ini, apakah langkah Kerajaan Negeri telah mengambil dengan kukuhnya menghidupkan industri bijih timah selama enam bulan yang lalu ini. Terima kasih.

**Y.A.B. MENTERI BESAR :** Langkah yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan industri perlombongan ini menjadi aktif adalah untuk menggalakkan mereka-mereka yang telahpun mempunyai lesen untuk melombong supaya mereka ini diberi peluang untuk meneruskan kerja dan juga perusahaan mereka. Yang keduanya kita juga menggalakkan pengusaha-pengusaha baru untuk meneroka tanah-tanah baru yang berpotensi, yang ada mineral sedemikian. Sekian, terima kasih.

**Y.B. ENCIK YEE SEU KAI :** Terima kasih.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA :** Slim.

**Y.B. DATO' MOHD. KHUSAIRI BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua. Soalan tambahan saya adalah, saya ingin meminta penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri. Apakah Kerajaan Negeri bercadang apabila tanah-tanah lombong ini diluluskan kepada pengusaha-pengusaha tertentu maka, pengusaha-pengusaha berkenaan diberikan hak untuk memiliki tanah berkenaan secara kekal sebagaimana yang diura-urakan sebelum ini.

**Y.A.B. MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Slim, kerajaan memberikan keutamaan kepada pengusaha-pengusaha yang telahpun mengusahakan tanah itu bagi melombong terdahulu daripada ini. Namun demikian bagi pengusaha-pengusaha baru kita hanya memberikan pajakan dalam konteks sama ada satu ataupun lima tahun. Yang ketiganya, kita memberikan kepada mereka-mereka yang mempunyai hakmilik sendiri. Maka itu, oleh kerana hakmilik mereka maka kita berikan keutamaan juga kepada mereka untuk melombong dan menggali tanah kepunyaan mereka selagi ianya tidak bercanggah dengan peraturan dan apa jua panduan-panduan yang ditetapkan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Sekarang kita beralih kepada soalan kedua, Rungkup.

**(2) Y.B. ENCIK SHA'ARANI BIN MOHAMAD (RUNGKUP)**

Ada ura-ura Negeri Perak hendak membekalkan air kepada Pulau Pinang. Rungkup ingin tahu, apakah rasionalnya cadangan tersebut dalam konteks Rakyat Perak sendiri belum 100% mendapat bekalan air bersih.

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM** : Cadangan untuk membekal air ke Pulau Pinang bukanlah merupakan satu cadangan yang baru. Sebelum ini terdapat cadangan untuk menyalurkan air ke Pulau Pinang dari sumber air di Sungai Rui, Daerah Hulu Perak. Tetapi cadangan tersebut telah tidak dilaksanakan. Ura-ura untuk membekalkan air ke Pulau Pinang baru-baru ini juga merupakan cadangan yang sama tetapi pengambilan sumber air yang dicadangkan adalah sumber yang berlainan. Walau bagaimanapun, cadangan untuk membekalkan air dari Negeri Perak memerlukan kajian yang teliti oleh kerana ia boleh menjejaskan keperluan air di negeri ini pada masa hadapan.

Sebelum sebarang keputusan dibuat, Kerajaan Negeri perlu yakin dan berpuas hati dengan kajian perunding yang akan dibuat. Oleh yang demikian, kerajaan akan meneliti dengan mendalam kajian cadangan penyaluran air apabila dikemukakan oleh pihak perunding kelak.

Dari kajian Sumber Negara tahun 2000-2050, Negeri Perak adalah negeri yang mempunyai lebih sumber air yang boleh digunakan untuk membekalkan air di bawah konsep pemindahan air antara negeri seperti yang dilaksanakan antara Pahang dan Selangor, serta Johor ke Singapura dan Melaka. Lebih tersebut boleh digunakan untuk membekalkan air ke negeri yang memerlukan dan akan mendatangkan hasil kepada Negeri Perak.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Dibuka untuk soalan tambahan.

**Y.B. ENCIK SHA'ARANI BIN MOHAMAD** : Apakah jangkaan Kerajaan Negeri hasil daripada pembekalan air daripada Negeri Perak ke Pulau Pinang mengikut perkiraan Kerajaan Negeri pada ketika ini.

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM :** Boleh ulang sekali lagi? Tak dapat.....

**Y.B. ENCIK SHA'ARANI BIN MOHAMAD :** Anggaran pendapatan Kerajaan Negeri apabila pembekalan ini dilakukan?

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM :** Tuan Yang Dipertua, cadangan untuk membekalkan air ke Negeri Pulau Pinang masih pada tahap perancangan dan kita belum pasti lagi. Kita hanya laksanakan kalau ia dengan izin, *viable*. Terima kasih.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA :** Soalan tambahan yang kedua. Kalau tak ada soalan tambahan yang kedua, kita akan beralih kepada soalan yang ketiga.

**(3) Y.B. ENCIK SIVASUBRAMANIAM A/L ATHINARAYANAN  
(BUNTONG)**

***Jalan Raja Perempuan Mazwin, Buntong***

- (a) Sila nyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk membina Jalan Raja Perempuan Mazwin dari Taman Rishah hingga ke Sekolah Kebangsaan Buntong. Bilakah peruntukan berkenaan telah diluluskan?
- (b) Sila nyatakan jabatan atau agensi kerajaan mana yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras pembinaan jalan berkenaan?
- (c) Siapakah kontraktor yang diberi tanggungjawab untuk membina jalan berkenaan. Adakah ciri-ciri keselamatan diambilkira semasa pembinaan jalan berkenaan?

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM :** Tuan Yang Dipertua, soalan 3(a) Peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk membina Jalan Raja Perempuan Mazwin dari Taman Rishah hingga ke Sekolah Kebangsaan Buntong berjumlah RM2 juta dan ianya telah diluluskan pada 14 April 2008.

Bagi soalan 3(b) Agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras pembinaan jalan berkenaan ialah Jabatan Kerja Raya.

Berkenaan dengan soalan 3(c) Memandangkan projek berkenaan dilakukan secara sebutharga, beberapa kontraktor kelas 'F' yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) telah diberi bagi melaksanakan kerja-kerja berkenaan. Jabatan ini masih mengekalkan ciri-ciri keselamatan dalam pelaksanaan projek ini seperti memasang papan-papan tanda, 'flexible post' dan garisan jalan selaras dengan peruntukan yang diterima. Adalah difahamkan pihak Majlis Bandaraya Ipoh sedang dalam tindakan meneruskan kerja menaiktaraf jalan ini dengan memasang lampu jalan dan lain-lain yang berkenaan.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Ya. Teruskan. Buntong.

**Y.B. ENCIK SIVASUBRAMANIAM A/L ATHINARAYANAN** : Apakah sebab surat-surat saya tidak terjawab apabila saya meminta maklumat lengkap mengenai jalan ini.

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM** : Nak tanya surat tersebut dihantar ke mana satu jabatan atau pun ke mana?

**Y.B. ENCIK SIVASUBRAMANIAM A/L ATHINARAYANAN** : Setiap surat saya dialamatkan kepada Jabatan Kerja Raya, termasuk kepada jabatan Yang Berhormat dan jalan ini setiap kali ada kehilangan nyawa.

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM** : Terima kasih Yang Berhormat Buntong. Saya akan memastikan ataupun meminta Jabatan Kerja Raya apabila terdapat mana-mana surat yang dihantar hendaklah kita balas dan memberitahu keadaan yang terkini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Ya. Sungai Rapat.

**Y.B. PUAN HAMIDAH BINTI OSMAN** : Soalan tambahan saya. Daripada jawapan dari wakil kerajaan tadi perbelanjaan yang telah diperuntukan untuk Jalan Raja Perempuan Mazwin dan Taman Rishah itu adalah dianggarkan bernilai RM2 juta. Tapi bila menjawab sesi kontraktor dimaklumkan adalah Kontraktor-kontraktor Kelas F. Jadi, saya mohon penjelasan bagaimanakah projek bernilai RM2 juta diberikan kepada kontraktor-kontraktor Kelas F yang maksimumnya ialah RM200,000.00.

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM** : Tuan Yang Dipertua. Seperti yang telah dijelaskan tadi seluruh kontrak ini telah kita berikan pada kontraktor-kontraktor Kelas F yang memang kita galakkan untuk diberikan kepada kontraktor-kontraktor kecil. Oleh yang demikian, sungguhpun jumlah RM2 juta ini telah kita agihkan dan bahagikan kepada beberapa kontraktor Kelas F supaya lebih ramai kontraktor Kelas F mendapat kontrak dalam projek tersebut.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Soalan yang keempat.

**(4) Y.B. DATO' SAARANI BIN MOHAMAD (KOTA TAMPAN)**

Pilihanraya untuk memilih Ketua Kampung telah pun selesai. Mohon Kerajaan Negeri memberi penjelasan.

- (a) Mengapakah bilangan Ahli JKKK dikurangkan daripada 15 orang kepada 10 orang?
- (b) Berapakah kadar elaun yang dibayar kepada Ketua Kampung, Setiausaha dan Ahli JKKK?

**Y.A.B. MENTERI BESAR** : Untuk makluman Y.B. Kota Tampan, Kerajaan Negeri telah meneliti semula keperluan bidang tugas JKKK Negeri Perak secara keseluruhan. Hasil penelitian ini pentadbiran Kerajaan Negeri berpendapat bidang tugas JKKK boleh difokuskan kepada perkara pokok yang pada amnya sangat berkaitan dengan keadaan semasa di kawasan-kawasan yang telah diwujudkan JKKK ini. Kesan daripada penyusunan semula tugas-tugas ini telah menjadikan bilangan Ahli Jawatankuasa bersaiz sederhana tetapi mantap iaitu bilangan daripada 15 kepada 10 orang. Dengan bilangan yang sederhana ini secara tidak langsung juga telah menjimatkan perbelanjaan Kerajaan Negeri selaras dengan arahan Kerajaan Persekutuan supaya berbelanja secara berhemah dan efisien.

Yang kedua, kesan daripada penamatan bantuan Kerajaan Persekutuan kepada institusi JKKK, Negeri telah menjadikan elaun Ketua Kampung yang juga Pengerusi JKKK merosot sebanyak kira-kira 65%. Sungguhpun demikian masih terdapat anak negeri ini yang sanggup tampil ke hadapan untuk memikul tugas sebagai Ketua Kampung dan Ahli JKKK walaupun mereka sedar bahawa sumbangan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM400.00 telah ditamatkan. Menghargai akan kesanggupan mereka menanggung tugas tersebut, maka Kerajaan Negeri telah merombak sedikit kadar elaun yang dibayar oleh Kerajaan Negeri Perak kepada Ketua Kampung, Setiausaha dan Ahli JKKK seperti berikut:

<i>Ketua kampung</i>	-	RM 400.00 (Elaun Bulanan)
	-	RM 24.00 (Elaun mesyuarat untuk sekali mesyuarat tidak melebihi 12 kali mesyuarat setahun)
<i>Setiausaha</i>	-	RM 200.00 (Elaun Bulanan)
	-	RM 20.00 (Elaun mesyuarat untuk sekali mesyuarat tidak melebihi 12 kali mesyuarat setahun)
<i>Ahli JKKK</i>	-	RM 15.00 (Elaun mesyuarat untuk sekali mesyuarat tidak melebihi 12 kali mesyuarat setahun)

Walaupun jumlah elaun ini tidak sebaik nilai elaun yang pernah diberi bantuan oleh Kerajaan Persekutuan kepada institusi ini, Kerajaan Negeri sangat menyanjung tinggi akan kesediaan mereka berkhidmat untuk memajukan Negeri Perak Darul Ridzuan yang kita cintai ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Ya, soalan tambahan.

**Y.B. DATO' SAARANI BIN MOHAMAD** : Apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjelaskan rasional untuk mengurangkan Ahli JKKK daripada 15 ke 10 ialah kerana untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan Negeri. Suka saya nak bertanya kepada Kerajaan Negeri. Sungguhpun kita cuba mengurangkan beban Kewangan Negeri tetapi kita telah mengalihkan beban

kerja kepada JKKK. Bagaimanakah bilangan JKKK yang sedikit ini boleh membantu Kerajaan Negeri untuk memajukan negeri kerana negeri kita sedang meningkat maju dan tidak logik kita mengurangkan bilangan petugas-petugas kita di peringkat.....

**Y.A.B. MENTERI BESAR :** Ya, terima kasih Kota Tampan kerana cukup bersimpati dengan kerja berat yang ditanggung oleh JKKK. Namun kita berasakan untuk 10 orang menyandang jawatan JKKK di setiap kampung hari ini masih lagi dalam lingkungan kerja buat mereka dan tidak akan membebankan mereka. Oleh kerana bila kita lihat kecemerlangan yang dicapai maka kita merasakan bahawa kawalan daripada Ketua JKKK kepada 10 orang petugas itu jauh lebih elok daripada kalau ianya lebih. Jadi untuk itu kita berasakan Ketua JKKK itu sendiri berkemampuan untuk mengawal 10 orang dan memastikan kerja buat mereka itu dalam bidang yang telah dispesifikasikan. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA :** Hutan Melintang.

**Y.B. ENCIK KESAVAN A/L SUBRAMANIAM :** Salam sejahtera dan *vanecam* kepada Tuan Speaker dengan izin. Yang Amat Berhormat, adakah Kerajaan Negeri ada idea menambahkan bilangan Ahli JKKK pada masa-masa akan datang.

**Y.A.B. MENTERI BESAR :** (GANGGUAN) dan perhatian yang jauh lebih daripada Ahli JKKK maka kerajaan bersedia untuk meningkatkan daripada antara 10 hingga ke 15. Jadi kita cukup flexible dengan suasana sedemikian.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA :** Dijemput Yang Berhormat Kepayang untuk mengemukakan soalan.

**(5) Y.B. ENCIK LOKE CHEE YAN (KEPAYANG)**

Meminta Y.A.B. Menteri Besar Perak menyatakan berapa ramainya jumlah pelancong yang dijangka melawat Negeri Perak pada tahun 2009 ini:

- (a) Dari pintu masuk manakah pelancong-pelancong ini dijangka memasuki negeri ini?
- (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi menarik lebih ramai pelancong melawat Negeri Perak pada masa akan datang?

**Y.B. KAPT.(B) MOHD. OSMAN BIN MOHD. JAILU :** Sebelum itu saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Kepayang dan juga sahabat-sahabat saya yang lain yang begitu prihatin dengan pelancongan di Negeri Perak ini. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan statistik yang

diberikan oleh Tourism Malaysia Perak, sehingga bulan Jun 2008, pelancong yang telah berkunjung ke Negeri Perak adalah 61.1% (berdasarkan "*Average occupancy rates [AOR] of hotel by locality*" [dengan izin]) di mana jumlah ini menurun sebanyak 1.9%. Ini berkemungkinan dari isu kenaikan harga minyak global. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri telah mensasarkan seramai lebih kurang 3.0 juta pelancong baik domestik mahupun antarabangsa akan berkunjung ke Negeri Perak pada tahun 2009. Memandangkan negeri ini luas dan mempunyai "*multiple entry*" (dengan izin), pelancong akan berkunjung ke negeri ini dari pelbagai pintu termasuklah pintu masuk antarabangsa di Pengkalan Hulu dan Lumut.

Kerajaan Negeri Perak sentiasa berusaha untuk meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke negeri ini melalui penganjuran pelbagai acara, program-program dan projek-projek pembangunan. Bagi merencanakan lagi sektor pelancongan di negeri ini, pelbagai strategi juga telah dirancang di antaranya :

- (a) Meningkatkan infrastuktur "*hard and soft*" (dengan izin) produk-produk pelancongan di Negeri Perak termasuklah modal insan dan pembinaan hotel yang mempunyai kemudahan *meeting, incentives, conventions, exhibitions* (MICE) (dengan izin).
- (b) Meningkatkan "*networking*" (dengan izin) terutamanya melibatkan industri hiliran (sokongan) seperti pengangkutan.
- (c) Mempelbagaikan pakej-pakej pelancongan yang ditawarkan berdasarkan pasaran.
- (d) Meningkatkan kerjasama dengan negeri-negeri yang bersempadan dengan Negeri Perak seperti Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan dalam memacu industri pelancongan di negeri ini.
- (e) Mengambil kesempatan daripada infrastruktur logistik yang lengkap yang menghubungkan Negeri Perak dengan bahagian utara, selatan dan timur negara ini terutamanya pintu-pintu masuk, plaza tol, jeti dan lapangan terbang. Pihak Kerajaan Negeri juga akan bekerjasama dengan Keretapi Tanah Melayu Berhad di mana projek Landasan Berkembar dari Kuala Lumpur ke Ipoh akan beroperasi bermula dari Januari 2009 mengikut perancangan. Masa perjalanan dari Kuala Lumpur ke Ipoh hanya mengambil masa 1 jam 30 minit. Oleh yang demikian ia akan menjadi antara pintu masuk utama pelancong ke Negeri Perak.
- (f) Merancang untuk mewujudkan *kiosk* maklumat pelancong di setiap hentian R&R di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan yang merentasi negeri ini.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga, di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan, Kerajaan Negeri telah diperuntukkan RM74 juta bagi melaksanakan projek-projek pembangunan pelancongan di seluruh Negeri Perak. Di antara projek-projek tersebut adalah Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Zoo Taiping, Kuala Gula, Bukit Larut, Ulu Slim dan Pengkalan Hulu dan banyak lagi. Di samping itu juga pelbagai acara juga telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri baik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti Malaysian International Classic Bike Festival 2008 (dengan izin) yang telah dianjurkan pada 2, 3 dan 4 Mei 2008 dan telah berjaya menarik peserta seramai lebih kurang 650 termasuk dari luar negara seperti Australia. Ipoh International Run 2008 (dengan izin) pada 6 Julai 2008 pula telah menarik lebih kurang 12,000 peserta dari dalam dan luar negara seperti Australia, New Zealand dan negara-negara Asia Tenggara. Kita juga telah mengadakan program AFS Antara Budaya di mana program ini disertai oleh pelajar-pelajar dari luar negara di mana mereka belajar budaya dan tradisi negeri ini.

Di antara acara-acara lain yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri adalah seperti Agrofest Perak 2008 dan Powerman Malaysia 2008. Kerajaan Negeri juga telah mempertingkatkan program-program promosi di luar negara terutamanya di Asian melalui agensi yang dipertanggungjawabkan iaitu Tourism Perak Sdn Bhd seperti :

- (i) MATTA Fair di Kuala Lumpur
- (ii) Vietnam International Travel
- (iii) Discovery World Mart 2008
- (iv) World Travel Mart London
- (v) Fascinating Malaysia Travel Fair Singapore
- (vi) Malacca International Tourism Show

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setengah dari program promosi ini telah dilaksanakan. Di dalam setiap program ini penumpuan akan diberikan kepada program homestay, "*health tourism*" (dengan izin) dan "*Malaysia My Second Home*" (dengan izin). Kerajaan Negeri juga akan memperkenalkan beberapa acara-acara baru untuk kelendar pelancongan pada tahun depan antaranya (dengan izin) Asean Junior Golf Championship 2009, Drum Festival 2009 dan juga Pulau Sembilan Fishing Safari 2009 sebagai acara tahunan.

Kerajaan Negeri juga akan berusaha untuk mewujudkan produk-produk pelancongan baru bagi memacu perkembangan dan juga pembangunan industri ini bagi menarik lebih banyak kemasukan pelancong. Dalam merealisasikan usaha ini Kerajaan Negeri akan menawarkan pelbagai insentif kepada pelabur-pelabur seperti mencari rakan kongsi, menyegerakan proses kelulusan tanah dan dari segi konsultasi.

Kerajaan Negeri amatlah berharap dengan terlaksananya projek-projek pembangunan pelancongan yang telah dirancang dan penganjuran acara-acara bertaraf antarabangsa di samping program-program promosi yang giat dijalankan akan dapat menarik lebih ramai pelancong baik domestik mahupun antarabangsa untuk berkunjung ke Negeri Perak.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA :** Ya. Buntong.

**Y.B. ENCIK SIVASUBRAMANIAM A/L ATHINARAYANAN:** Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memajukan Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah dan adakah usaha untuk membawa masuk penerbangan Air Asia ke Negeri Perak.

**Y.B. KAPT.(B) MOHD. OSMAN BIN MOHD. JAILU :** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa perkara ini kita telah pun bincangkan dan untuk memajukan Lapangan Terbang yang sedia ada saya rasa tidak ekonomik disebabkan dengan keadaan sekeliling dan proses perbincangan dengan Air Asia sedang berjalan.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA :** Temengor.

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN :** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan saya, sejak daripada dulu pintu sempadan Pengkalan Hulu akan ditutup pada pukul 7 malam. Walaupun ada permintaan untuk dibuka sehingga ke 12 malam. Kita pemimpin tempatan di Hulu Perak sentiasa tidak membenarkan kerana kita melihat dia tidak memberi keuntungan kepada rakyat tempatan kalau dibuka sehingga pukul 12 malam. Saya difahamkan pada penggal ini mungkin Kerajaan Negeri membenarkan untuk dibuka pintu sempadan hingga ke 12 malam. Sejauh mana kebenaran dan keadaan tersebut untuk membenarkan pintu pelancongan di Pengkalan Hulu akan dibuka sehingga 12 malam di mana pada pandangan saya selaku pemimpin di sebelah Gerik dan Pengkalan Hulu kalau dibuatkan benda ini sebenarnya ia akan merugikan penduduk tempatan di Gerik. Soalan saya minta penjelasan daripada Kerajaan Negeri.

**Y.B. KAPT.(B) MOHD. OSMAN BIN MOHD. JAILU :** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa perkara ini amat sensitif untuk kita perkatakan di sini dan saya rasa ia perlu kajian yang teliti supaya kita mendapat keuntungan untuk kedua-dua belah pihak. Itu saja jawapannya.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA :** Soalan seterusnya. Saya jemput Kenering.

**(6) Y.B. TUAN HAJI MOHD. TARMIZI BIN IDRIS (KENERING)**

Berapakah jumlah kutipan zakat bagi Negeri Perak sepanjang tahun 2007 hingga kini?

- (a) Apakah perancangan dan pembiayaan yang dilakukan hasil dari sumber zakat ini?
- (b) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan lebih ramai umat Islam membuat pembayaran zakat melalui Majlis Agama Islam Negeri.

**Y.B. TUAN HJ. MOHD. ZAINUDDIN BIN MOHD. YUSOF** : Assalamualaikum wbt. Tuan Yang Dipertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya bangun untuk menjawab soalan nombor 6. Bagi tahun 2007, kutipan wang Zakat bagi negeri Perak adalah sebanyak RM42,053,060.00 iaitu peningkatan sebanyak RM8,117,400.00 berbanding tahun 2006. Ringkasan pendapatan bagi tahun 2007 sehingga 31 Disember 2007 adalah seperti jadual di bawah:-

<b>Jenis Zakat</b>	<b>Jumlah Kutipan (RM)</b>
Zakat Fitrah	5,388,275.00
Zakat Harta	21,374,462.00
Zakat Perniagaan	14,005,885.00
Zakat Tanaman	1,284,438.00
<b>Jumlah</b>	<b>42,053,060.00</b>

Bagi tahun 2008, sehingga 17 Oktober 2008 jumlah kutipan wang Zakat bagi Negeri Perak adalah seperti jadual berikut:-

<b>Jenis Zakat</b>	<b>Jumlah Kutipan (RM)</b>
Zakat Fitrah	7,509,973.00
Zakat Harta	17,680,657.95
Zakat Perniagaan	16,472,834.55
Zakat Tanaman	1,180,154.91
<b>Jumlah</b>	<b>43,017,350.90</b>

MAIPk melalui Bahagian Zakat telah dan akan melaksanakan skim-skim bantuan dengan menggunakan peruntukan dana Zakat yang dikutip pada setiap tahun. Setiap tahun terdapat peningkatan yang ketara perbelanjaan yang diperuntukkan kepada golongan sasar yang meliputi asnaf Fakir, Miskin, Fisabilillah, Amil, Mualaf, Ghorimin dan Ibnu Sabil. Bagi asnaf al-Riqab, perbelanjaan ini ditangguhkan sementara berikutan al-Riqab merupakan golongan hamba. Penangguhan ini adalah selaras dengan Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah 1975.

Dalam mengurangkan masalah kemiskinan di negeri ini, MAIPk melalui peruntukan di bawah asnaf Fakir dan Miskin (Miskin tegar dan Miskin) telah menyediakan beberapa skim yang selaras dengan hasrat kerajaan dalam usaha mengurangkan kemiskinan di negeri ini.

Jadual di bawah menunjukkan prestasi agihan Zakat mengikut asnaf bagi tahun 2004 hingga 2007

Bil	Jenis Asnaf	Tahun			
		2004	2005	2006	2007
1	Fakir / Miskin	7,896,755.00	10,126,277.40	11,495,516.00	13,118,027.29
2	Fisabilillah	7,108,889.00	6,816,118.09	7,580,590.29	6,027,568.58
3	Amil	3,238,019.00	3,935,382.15	4,586,355.87	4,196,367.11
4	Muallaf	1,202,478.00	1,499,762.99	1,622,496.37	1,454,091.06
5	Al-Gharimin	545,949.00	86,390.08	82,546.04	84,572.63
6	Ibnussabil	279,338.00	371,741.82	429,955.72	593,785.39
7	Al-Riqab	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>20,271,428.00</b>	<b>22,835,672.53</b>	<b>25,797,460.29</b>	<b>25,474,412.06</b>
		<b>RM94,378,972.88</b>			

Daripada jadual agihan di atas, amat jelas MAIPk sentiasa memberikan penekanan dalam usaha mengurangkan kemiskinan dalam kalangan Umat Islam di negeri ini melalui peruntukan asnaf Fakir dan Miskin.

Daripada tahun 2004 sehingga tahun 2007 berlaku peningkatan yang ketara dari sudut peratusan terutama dari tahun 2004 hingga 2005 iaitu peningkatan sebanyak 77.98 peratus. Peningkatan perbelanjaan bagi asnaf ini terus meningkat pada tahun 2006 iaitu sebanyak 88 peratus berbanding tahun 2005.

Pada tahun 2007, MAIPk telah membelanjakan dana Zakat bagi asnaf Fakir dan Miskin sebanyak RM13,118,027.29. Perbelanjaan bagi asnaf ini dijangka akan terus meningkat pada tahun 2008 malah tahun seterusnya.

Perbelanjaan yang besar ini meliputi pelbagai skim bantuan yang membantu golongan sasar mengubah kehidupan mereka kepada kehidupan yang lebih baik dan berdaya saing. Di antara skim-skim yang terdapat di MAIPk yang dikhususkan bagi asnaf ini adalah seperti berikut:-

- (i) Agihan Sekaligus Ramadhan (AidilFitri)
- (ii) Agihan Kewangan Bulanan
- (iii) Bantuan Pendidikan / Persekolahan
- (iv) Bantuan Membina / Baikpulih Rumah
- (v) Bantuan Rawatan/Perubatan/Implan/Dialisis/Alatan Sokongan dan lain-lain
- (vi) Bantuan Kecemasan / Segera
- (vii) Agihan Melalui Institut Pengajian Tinggi
- (viii) Agihan Melalui Felcra Seberang Perak

Pada tahun 2007, agihan bagi asnaf Fakir dan Miskin adalah seperti jadual di bawah:

<b>Jenis Bantuan / Asnaf</b>	<b>Perbelanjaan (RM)</b>
Fakir & Miskin	973,300.00
Agihan Sekaligus Ramadhan	6,416,090.40
Agihan Kewangan Bulanan	300,554.30
Bantuan Pendidikan / Persekolahan	548,211.60
Bantuan Membina / Baikpulih Rumah	4,677,225.10
Bantuan	78,386.78
Rawatan/Perubatan/Implant/	15,142.19
Dialisis/Alatan Sokongan dll	109,116.92
Bantuan Kecemasan / Segera	
Institut Pengajian Tinggi	
Felcra Seberang Perak	
<b>Jumlah</b>	<b>13,118,027.29</b>

Bagi Skim Agihan Sekaligus Ramadhan, penerima iaitu asnaf Fakir dan Miskin akan diberikan wang Zakat sebagai persiapan menjelang AidilFitri pada setiap tahun. Skim ini bertujuan membantu golongan sasaran dapat meraikan hari kebesaran Islam ini sebagaimana insan lain. Bagi melaksanakan skim ini, peranan para Amil yang dilantik bagi setiap kariah adalah amat diperlukan. Amil akan mengenalpasti golongan yang layak menerima Skim Bantuan ini dengan membuat penyenaiaan nama mereka yang layak kepada pihak MAIPk.

Agihan Kewangan Bulanan pula merujuk kepada Skim Bantuan kepada asnaf Fakir dan Miskin dengan cara memberi wang Zakat secara bulanan. Jumlah bantuan yang diberikan kepada setiap individu yang layak di antara RM150.00 ke RM250.00 sebulan. Jumlah pemberian ini akan ditingkatkan dari masa ke semasa sesuai dengan keadaan ekonomi semasa. Pada tahun 2007, seramai 3,802 individu Fakir dan Miskin menikmati Skim Bantuan tersebut. Dijangkakan jumlah tersebut akan terus meningkat dari tahun ke setahun berasaskan kepada beberapa faktor antaranya kenaikan kos hidup yang dihadapi oleh Umat Islam di negeri ini bukan sahaja yang tinggal di luar bandar malah turut dirasai oleh Umat Islam yang menetap di bandar-bandar utama negeri ini.

Pendidikan merupakan suatu perkara penting bagi mana-mana negara di dunia ini dan sebagai salah satu cara kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan. Oleh yang demikian, negeri Perak melalui MAIPk iaitu salah satu agensi kerajaan turut mempunyai peranan dalam usaha mengurangkan jurang perbezaan ekonomi umat Islam di negeri ini dengan menyediakan Skim Bantuan Pendidikan atau Persekolahan.

### ***PROGRAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN***

Program Pembangunan Pendidikan atau Persekolahan yang wujud di MAIPk antara lain bertujuan meningkatkan tahap kesedaran golongan sasaran mengenai peri pentingnya ilmu dalam kehidupan dewasa ini, sedar atau tidak dengan adanya ilmu dapat mengubah corak kehidupan dan pemikiran seseorang seterusnya dapat pula mengubah gaya kehidupan mereka.

Di antara objektif pemberian bantuan persekolahan ini oleh MAIPk ialah membantu golongan sasaran (Fakir dan Miskin) di negeri ini di dalam membuat persiapan secukupnya untuk anak-anak mereka memasuki alam persekolahan. Kesedaran mewujudkan skim ini timbul apabila terdapat ramai di kalangan anak-anak Fakir dan Miskin di negeri ini yang terkandas di dalam pelajaran malah, ramai juga yang langsung tidak pernah memasuki alam persekolahan akibat daripada masalah kewangan yang dihadapi oleh keluarga. Oleh yang demikian, saban tahun MAIPk berusaha meningkatkan.....

**Y.B. PUAN HAMIDAH BINTI OSMAN** : Minta laluan.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Biar dia bagi jawapan dulu. Silakan. Silakan.

**Y.B. TUAN HJ. MOHD. ZAINUDDIN BIN MOHD. YUSOF** : Pada tahun 2007, seramai 716 ketua keluarga Fakir dan Miskin telah menerima manfaat daripada Skim yang diwujudkan ini dengan perbelanjaan sebanyak RM300,554.30.

Pada tahun 2008, satu mekanisma agihan yang lebih baik telah dilaksanakan oleh MAIPk dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Perak Darul Ridzuan iaitu pemilihan pelajar Fakir dan Miskin dipilih sendiri oleh guru-guru. Tujuan mekanisma ini dilaksanakan adalah dengan harapan agar pengagihan bantuan ini dapat dilaksana serta diterima oleh golongan sasaran secara menyeluruh dan bertepatan dengan kehendak Syara'.

Program Pembangunan Kesihatan yang terdapat di MAIPk antaranya ialah Bantuan Haemodialisis, Implan, Bayaran Wad, Bantuan Alat Sokongan dan sebagainya yang sesuai dengan keperluan pesakit.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Minta Lubuk Merbau ringkaskan soalan.

**Y.B. TUAN HJ. MOHD. ZAINUDDIN BIN MOHD. YUSOF** : Saya teruskan jawapan saya. Atas dasar inilah maka, MAIPk telah memperuntukkan sejumlah dana yang cukup besar bagi menampung kos rawatan yang dikenakan ke atas pesakit yang sehingga kini telah mencecah RM4,677,225.10 setahun. Pembangunan Sosial saya ringkaskan untuk meraikan..... tuan-tuan. Bagi tahun 2008, iaitu sehingga 21 Oktober 2008 perbelanjaan wang Zakat oleh MAIPk adalah sebanyak RM30,655,949.26. Ringkasan perbelanjaan adalah seperti jadual di bawah:

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Perbelanjaan (RM)</b>
1	Amil	4,903,809.40
2	Fakir dan Miskin	16,565,178.33
3	Muallaf	1,084,310.91
4	Ghorimin	115,855.62
5	Ibnu Sabil	416,243.30
6	Fisabilillah	7,570,551.70
	<b>Jumlah</b>	<b>30,655,949.26</b>

Bagi soalan (b) Antara langkah-langkah yang cuba di laksanakan oleh Bahagian Promosi Zakat supaya lebih ramai umat Islam membuat pembayaran zakat melalui Majlis Agama Islam Perak ialah:

- (i) Mengadakan Taklimat, Diskusi, Forum Perdana Zakat bersama agensi kerajaan dan swasta khusus di negeri Perak.

**Y.B. TUAN HAJI MOHD. TARMIZI BIN IDRIS** : Tuan Yang Dipertua, kalau mengikut kepada soalan saya yang dijawab sebelum ini adalah baru untuk bahagian (a). Mungkin dia nak jawab untuk bahagian (b) saya fikir, terlalu lama dan panjang.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Saya minta Lubuk Merbau ringkaskan jawapannya.

**Y.B. TUAN HJ. MOHD. ZAINUDDIN BIN MOHD. YUSOF** : Ada sikit lagi. Ada seminit je lagi. Saya teruskan sikit lagi.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Ringkaskan jawapan. Banyak soalan lagi nak buat.

**Y.B. TUAN HJ. MOHD. ZAINUDDIN BIN MOHD. YUSOF** : Yang kedua, menganjurkan "Kembara Zakat".....

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR** : Tuan Yang Dipertua, kalau boleh saya (GANGGUAN).

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Pangkor. Pangkor. Saya dah nasihatkan Lubuk Merbau untuk singkatkan soalan. Tak perlu bagi nasihat. Saya dah bagi nasihat pada dia dah. (GANGGUAN). Tak apa, tak apa Pangkor...(GANGGUAN) Saya dah beritahu dia untuk meringkaskan jawapan. Pangkor sila duduk. Lubuk Merbau ringkaskan soalan dan jawapan dan kita kena pergi ke soalan seterusnya. Buat dengan cepat sikit.

**Y.B. TUAN HJ. MOHD. ZAINUDDIN BIN MOHD. YUSOF** : Keempat, bekerjasama dengan RTM Perak dengan membuat liputan tentang hukum dan perkembangan semasa Zakat di Negeri Perak.

Yang kelima menghantar surat dan email kepada individu-individu yang berkhidmat di sektor kerajaan dan swasta sebagai galakan membayar zakat pendapatan/ simpanan.

Yang keenam melantik agen-agen seperti Maybank, Public Bank, Bank Islam, Pos Msia dan ketujuh menganjurkan latihan, taklimat dan kursus kepada 'Amil Fitrah. Terima kasih.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Kenering. Sambung sikit dengan soalan tambahan.

**Y.B. TUAN HAJI MOHD. TARMIZI BIN IDRIS** : Tuan Yang Dipertua, pertama sekali saya ucapkan terima kasih kepada wakil kerajaan yang telah berjaya menjawab begitu panjang sekali dan menyatakan akan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai. Saya tanya tahun 2007, sepanjang 2007 tapi wakil kerajaan

menjelaskan peningkatan dan kejayaan yang telah dilakukan oleh kerajaan sebelum ini iaitu daripada 2004 hingga ke 2007 dan beliau mengakui bahawa peningkatan ini adalah hasil kecekapan pegawai dan pelaksana ketika itu. Soalan saya, apakah benar di dalam perjumpaan Penghulu-Penghulu seluruh Negeri Perak baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyatakan bahawa Lembaga Air Perak tidak pernah membayar zakat sebelum ini. Begitu juga Perbadanan Pertanian Negeri Perak dan saya difahamkan Perbadanan Pertanian Negeri Perak melalui anak syarikatnya di Jalong ada membayar. Jadi kenyataan ini saya nak kebenarannya dan kalau tidak, mengapakah ianya boleh berlaku demikian. Harap wakil kerajaan menjawab. Dan yang kedua...boleh dua?

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Satu soalan saja. Ye lah satu soalan tambahan pertama lepas tu bagi peluang kepada orang lain untuk soalan tambahan kedua.

**Y.A.B. MENTERI BESAR** : Tuan Yang DiPertua, saya berterima kasih kepada Kenering, memang sebenarnya....

**Y.B. TUAN HAJI MOHD. TARMIZI BIN IDRIS** : Tuan Yang DiPertua, saya minta wakil kerajaan sebab soalan ini dijawab oleh wakil kerajaan. Bagi kepercayaan kepada wakil-wakil untuk menjawab...(GANGGUAN).

**Y.A.B. MENTERI BESAR** : (GANGGUAN)...tapi Yang DiPertua adalah Menteri Besar sendiri. Jadi kenyataan itu telah saya buat dalam perhimpunan dengan penghulu-penghulu. Benar apa yang dinyatakan oleh Y.B. Kenering.

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR** : Mana ada cara ni. Soalan.....(GANGGUAN).

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Dalam soalan itu disebut Y.A.B. Menteri Besar dan adalah baik. Pangkor..Pangkor soalan itu biasanya semua soalan dalam soalan lisan itu ditujukan kepada Yang Berhormat. Sesiapa daripada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan boleh menjawabnya. Begitu juga soalan itu ditujukan kepada.... ..Saya benarkan Yang Amat Berhormat untuk menjawab soalan ini.

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR** : Dari segi peraturannya....

**Y.B. DATO' SERI DIRAJA MOHD. TAJOL ROSLI BIN GHAZALI** : Tuan Yang Dipertua, dalam Parlimen pun. Kita ada dua orang Ahli Parlimen pun dalam dewan ini. Dalam Parlimen apabila Menteri menjawab, Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri tidak pernah mengambil alih jawapan melainkan....(GANGGUAN).

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Silakan.

**Y.B. TUAN HJ. MOHD. ZAINUDDIN BIN MOHD. YUSOF** : Tuan Yang Dipertua, biarlah saya jawab. Untuk tahun ini memang betul kedua-dua agensi kerajaan telah membayar zakat sebagaimana yang disebutkan tadi tetapi sebelum ini saya tidak arif sama ada zakat dibayar ataupun sebaliknya. Jadi itulah jawapannya.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Pengkalan Hulu. Soalan tambahan kedua ke apa? Saya buka kepada soalan tambahan kedua sebab tadi diminta jawab dan (GANGGUAN).

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Saya minta Pangkor untuk soalan tambahan kedua.

**Y.B. TUAN HAJI MOHD. ZAINUDDIN BIN MOHD YUSOF** : Saya memang dah katakan pada tahun ini kita menerima zakat daripada kedua-dua GLC Perak tapi sebelum ini saya tidak arif. Kalau ada bayar alhamdulillah. Itu tanggungjawab kita.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Ok...terima kasih. Pangkor. (GANGGUAN).

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR** : Kita tidak bersetuju dengan kenyataan Y.A.B. Menteri Besar dalam perjumpaan tersebut seolah-olah LAP tidak pernah membayar zakat begitu juga Perbadanan Pertanian.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Saya benarkan Yang Amat Berhormat.

**Y.A.B. MENTERI BESAR** : Oleh kerana apa yang dijawab oleh Padang Rengas tadi dia tidak diberikan maklumat terdahulu tapi memang saya diberitahu dalam mesyuarat dan perjumpaan dengan semua penghulu-penghulu itu terdahulu daripada ini SADC dan juga LAP tidak pernah memberi zakat secara rasmi. Saya nyatakan tidak ada rekod yang menunjukkan SADC dan LAP memberi zakat sebelum ini. Maka tahun 2007 kita beri kepada mereka kerana ini adalah rukun. Kami sebagai Pakatan Rakyat kami menghormati apa saja rukun dan secara rasminya LAP telah memberikan kepada majlis urus zakat RM3.67 juta untuk tahun 2007. Begitu juga dengan SADC pertama kalinya secara rasmi mereka telah memberikan zakat. Maknanya seluruh kita orang Islam dapat rahmat dan berkat di atas kerja mereka itu. Itu sahaja.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Ok. Terima kasih. Soalan seterusnya soalan kedua.. Pangkor..

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR** : Terima kasih Yang DiPertua benarkan juga saya bertanya soalan walaupun soalan saya telah diketepikan sama sekali. Sejak daripada dulu sampai sekarang saya tengok takde langsung soalan inilah bentuk Pakatan Rakyat yang ada. Apa pun saya ingin bertanya kepada..oleh kerana Yang Amat Berhormat pun turut menjawab juga sepatutnya menjawab kemudianlah... sama ada betul atau ni.. Saya setujulah dengan

EXCO yang menjawab tadi bahawa dia mengatakan bahawa dia tidak arif. Itu adalah jawapan orang yang jujur bukannya seperti yang satu lagi yang itu, yang ini. Soalan saya ialah saya nak tahu tentang pungutan-pungutan zakat tentang asnaf-asnaf yang ada oleh kerana jawapan yang terlalu panjang tadi menyebabkan saya pun tidak berapa faham dari segi jawapannya. Jadi saya nak tanya balik. Pantai Remis tolong jangan dok bisik-bisik tu..(GANGGUAN).

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Pangkor tanya soalan saja...

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR** : Tuan Yang DiPertua kena disiplinkan dia juga Pantai Remis ni. Saya nak tanya dari segi asnaf dan dari segi pengagihan zakat, apakah sepanjang tahun ini asnaf dari segi kutipan yang telah pun dibuat itu telah pun diagihkan dalam tempoh satu tahun. Apakah ada kes-kes yang terlibat di dalam pengumpulan sumber-sumber itu tidak diagihkan dalam tempoh setahun.

**Y.B. TUAN HAJI MOHD. ZAINUDDIN BIN MOHD YUSOF** : Ada teguran yang dibuat oleh Audit di mana didapati ada sebahagian kutipan zakat itu tidak diagihkan pada tahun itu dan majlis telah mengambil iktibar pada pandangan oleh audit itu dan melakukan pembetulan dengan sewajarnya. Dan insyaallah pandangan bukan sahaja daripada audit daripada siapa sahaja yang sudi untuk menegakkan kebenaran, pembetulan kita raikan pada bila-bila masa. Terima kasih.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Soalan seterusnya daripada Aulong.

**(7) Y.B. ENCIK YEW TIAN HOE (AULONG)**

Memandangkan penyakit-penyakit denggi dan tangan, kaki dan mulut (*Hand, Foot and Mouth Disease*) di seluruh negeri terutamanya di Daerah Manjung dan Larut, Matang dan Selama. Apakah langkah Kerajaan Negeri akan mengambil untuk pencegahan penyakit-penyakit tersebut dari merebak?

**Y.B. ENCIK SIVANESAN A/L ACHALINGAM** : Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menjawab soalan yang ke-7. Terima kasih kepada Aulong. Pada tahun 2007, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan di Negeri Perak adalah sebanyak 2889 kes dengan 7 kematian. Pada tahun 2008, sehingga 25 Oktober 2008, sebanyak 3339 kes telah dilaporkan dengan 6 kematian. Empat kematian dilaporkan di Daerah Manjung dan masing-masing satu di Perak Tengah dan Batang Padang (kes kematian di HKL yang dipindah masuk ke JKNWP Kuala Lumpur ke Daerah Batang Padang.)

**JADUAL 1:  
BILANGAN KES DEMAM DENGGI  
YANG DILAPORKAN MENGIKUT DAERAH BAGI  
TAHUN 2007 DAN 2008 (SEHINGGA 25 OKTOBER 2008)**

Daerah	2007		2008	
	Kes	Kematian	Kes	Kematian
Hulu Perak	98		137	
Larut, Matang & Selama	243	1	179	
Kerian	152		123	
Kuala Kangsar	315		432	
Manjung	465		736	4
Kinta	1193	4	1249	1
Batang Padang	220	1	197	
Hilir Perak	103	1	87	
Perak Tengah	100	1	199	1
Jumlah Perak	2889	7	3339	6

### **Tindakan Pencegahan Denggi**

Jabatan Kesihatan Negeri Perak memandang serius dengan kejadian penyakit demam denggi dan chikungunya yang berlaku dan langkah-langkah pencegahan dan kawalan telah diambil untuk membanteras masalah ini. Oleh kerana vektor bagi kedua-dua penyakit ini adalah sama iaitu nyamuk *Aedes*, tindakan pencegahan dan kawalan dijalankan adalah sama. Antara aktiviti yang dijalankan adalah aktiviti pencegahan, kawalan, penguatkuasaan undang-undang dan pendidikan kesihatan.

Bagi aktiviti pencegahan, semburan kabus (*preventive fogging*) telah dijalankan di kawasan tumpuan orang ramai seperti stesen bas dan teksi setiap kali menjelang musim perayaan dan cuti sekolah. Selain itu, untuk mengelakkan bekas seperti tangki septik menjadi tempat pembiakan, punjut "*Abate*" telah dimasukkan ke dalam tangki septik tersebut. Aktiviti ini dijalankan di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti, iaitu seperti di kawasan yang sering berlaku wabak denggi.

Bagi semua kes yang dilaporkan, aktiviti kawalan iaitu semburan kabus serta pemusnahan tempat pembiakan nyamuk telah dijalankan dengan segera mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Aktiviti pemeriksaan premis dan semburan racun jentik-jentik (*larviciding*) juga dijalankan untuk menghapuskan pembiakan nyamuk.

Aktiviti penguatkuasaan undang-undang dijalankan mengikut Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000). Premis yang diperiksa dan didapati positif pembiakan boleh dikenakan tindakan kompaun dan notis.

Selain itu, aktiviti pendidikan kesihatan juga telah dijalankan secara berterusan agar dapat memberi kesedaran kepada komuniti mengenai penyakit demam denggi dan chikungunya dan bersama-sama menjadikan persekitaran bebas dari nyamuk Aedes. Antara aktiviti yang dijalankan adalah ceramah, dialog, pameran, tunjukcara, pengedaran risalah dan poster, pemasangan kain rentang dan banting di tempat-tempat strategik, pendekatan kumpulan kecil dan individu serta gotong-royong. Program COMBI (*Communication for Behavioural Impact*) telah diaktifkan di kawasan-kawasan terpilih. Program ini bertujuan untuk menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti pencegahan penyakit demam denggi.

Bagi kes HFMD, sejak dari 1 Januari sehingga 18 Oktober 2008, sebanyak 285 kes HFMD telah didaftar di seluruh Negeri Perak. Sebanyak 37 kes (dengan kadar kejadian penyakit 11.84 per 100,000 penduduk) telah didaftarkan di Daerah Larut Matang dan Selama, sementara itu pula sebanyak 49 kes (kadar kejadian 20.91/100,000 penduduk) telah didaftarkan di Daerah Manjung seperti di Jadual 2.

**JADUAL 2:  
TABURAN KES HFMD MENGIKUT DAERAH DI NEGERI PERAK  
1 JANUARI – 18 OKTOBER 2008**

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BIL. KES</b>	<b>KADAR / 100,000 PENDUDUK</b>
1.	Batang Padang	3	1.69
2.	Hilir Perak	22	10.19
3.	Hulu Perak	33	31.46
4.	Kuala Kangsar	32	19.29
5.	Kerian	14	7.82
6.	Kinta	79	9.64
7.	Larut, Matang & Selama	37	11.84
8.	Manjung	49	20.91
9.	Perak Tengah	16	15.15
10	NEGERI PERAK	285	12.31

## **Tindakan Kawalan Penyakit HFMD**

Pihak Jabatan Kesihatan sentiasa memantau dan mengambil langkah-langkah kawalan dan pencegahan terhadap penyakit ini.

Antara tindakan yang telah dan sedang diambil termasuklah:

- (i) Mengedarkan risalah kepada orang ramai mengenai penyakit ini serta langkah-langkah pencegahan yang perlu dilakukan.
- (ii) Mengadakan ceramah mengenai penyakit ini, tanda-tanda serta tindakan yang perlu diambil jika anak-anak mereka disyakki mengidap penyakit ini. Menyarankan kepada ibu-bapa membawa anak-anak mereka yang sakit ini segera ke klinik dan tidak menghantar anak-anak mereka ke Tadika/Taska/sekolah rendah.
- (iii) Memberi rawatan simptomatik kepada anak-anak yang disyakki mengidap penyakit ini, jika mereka datang ke klinik/hospital. Membuat rujukan ke hospital jika pesakit memerlukan rawatan lanjut.
- (iv) Mengarahkan para pengamal perubatan (doctor) kerajaan dan swasta untuk menotifikasi kes-kes yang disyaki mengidap penyakit ini (notifikasi kepada Pejabat Kesihatan yang terdekat adalah wajib). Mereka juga diarah untuk mengambil sampel bagi kes-kes yang aktif bagi menentukan jenis virus yang dijangkiti.
- (v) Menasihatkan pengusaha Tadika atau Taska untuk menutup premis mereka buat sementara bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan jika Taska/Tadika disyaki sebagai tempat perebakan penyakit.
- (vi) Membuat pengesanan kes dan kontak secara aktif oleh Pegawai-pegawai dari Pejabat Kesihatan Daerah di semua kawasan yang dilaporkan.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Buntong.

**Y.B. ENCIK SIVASUBRAMANIAM A/L ATHINARAYANAN** : Kerajaan tidak bertindak awal mencegah penyakit-penyakit ini merebak dari awal lagi sebelum ia mengorbankan nyawa.

**Y.B. ENCIK SIVANESAN A/L ACHALINGAM** : Terima kasih Yang Berhormat. Kawalan dan pencegahan ini datang dari semua lapisan masyarakat bukan sahaja daripada kerajaan. Tetapi menurut pengalaman saya di beberapa bulan yang lepas saya telah berpendapat bahawa pegawai-pegawai kerajaan daripada Jabatan Kesihatan telah bertindak dengan tegas dan secara aktif apabila aduan dibuat kepada mereka. Terima kasih.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Pangkor.

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR :** Tuan Yang DiPertua, terima kasih kerana benarkan soalan tambahan. Untuk pertama kalinya dalam sejarah di Daerah Manjung khususnya dan saya rasa di Malaysia pada tahun 2008 ini dan menyaksikan jumlah pertambahan apa nama kes denggi ini yang tertinggi sekali di Malaysia dan kebetulan pula ini kawasan Menteri Besar. Kawasan D-Faktor Menteri Besar dan juga kawasan saya. Tapi apa pun kami ketiga-tiga dalam hal ini, kami rasa amat prihatin dengan keadaan yang berlaku di kawasan kami. Kita ingin melihat faktor-faktor sebenar yang menyebabkan jumlah yang begitu tinggi sekali yang tertinggi sekali di Malaysia untuk pengetahuan Tuan Yang DiPertua. Jadi soalan saya kepada Sungkai dalam tahun 2008 ini oleh kerana peningkatan, oleh kerana ada kerajaan baru apakah faktor itu disebabkan oleh terlalu banyak terdapat tempat-tempat pemeliharaan burung walit atau pun sekarang ini semakin banyak kegiatan-kegiatan membuka tanah-tanah baru untuk pembelaan udang-udang secara sama ada secara haram atau pun secara terancang oleh oleh Kerajaan Negeri yang menyebabkan berlakunya nyamuk ni dan kes ini yang semakin bertambah.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA :** Diminta Sungkai jawab.

**Y.B. ENCIK SIVANESAN A/L ACHALINGAM :** Yang pertama, jika banding dengan tahun lepas di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional, jumlah kematian dah berkurangan. Yang pertama. Yang kedua, berkaitan dengan soalan di Manjung. Peningkatan kes demam denggi di Manjung. Memang benar kes demam denggi di Manjung telah meningkat. Dengan izin nak katakan critical stage pun boleh. Dah meningkat dan sebagai Kerajaan Negeri, Pakatan Rakyat yang prihatin, kami telah menurun ke padang. Saya sendiri telah menurun ke padang dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun telah menurun dan telah melihat dengan mata sendiri keadaannya. Nak kita kata bahawa Pakatan Rakyatlah punca atau Barisan Nasional lah punca saya rasa itulah debate line. Tetapi...saya belum jawab...(GANGGUAN).

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA :** Pangkor. Duduk. Bagi dia jawab. Biar dia jawab soalan. (GANGGUAN).

**Y.B. ENCIK SIVANESAN A/L ACHALINGAM :** Saya sedang jawab. Duduk. (GANGGUAN).

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA :** Pangkor. Pangkor. Duduk. Pangkor sudah tanya soalan.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA:** Pangkor. Pangkor. Duduk. Pangkor sudah tanya soalan.

**Y.B. ENCIK SIVANESAN A/L ACHALINGAM :** (GANGGUAN). Punca-punca demam denggi adalah pembangunan pesat di Manjung. Siapa pusing kita tau.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA:** Saya minta Pangkor duduk.

**Y.B. ENCIK SIVANESAN A/L ACHALINGAM :** Pangkor bangun saja pusing.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA:** Biar Sungkai jawab. Semua cakap macamana? Ok Sungkai jawab. Sudahlah Pangkor. Bagi Sungkai jawab.

**Y.B. ENCIK SIVANESAN A/L ACHALINGAM :** Pembangunan yang pesat yang berkaitan dengan burung walit. Tidak ada kajian-kajian yang telah dijalankan selama ini bahawa burung walit adalah salah satu punca. That is...dengan izin. There is no research done on that. It's true.

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR :** Not true.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA :** Sekarang sapa nak jawab. Bagi Sungkai jawab.

**Y.B. ENCIK SIVANESAN A/L ACHALINGAM :** Yang saya dapat tahu ini adalah dari seorang professor. Tolong duduk. Saya nak jawab.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA :** Tolong duduk. Bagi Sungkai jawab.

**Y.B. ENCIK SIVANESAN A/L ACHALINGAM :** Udang. Udang. (GANGGUAN).

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA :** Soalan tambahan sudah tamat. Sekarang saya akan masuk ke soalan seterusnya.

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR :** Tuan Yang Dipertua, ini adalah kaitannya dengan keadaan masyarakat...(GANGGUAN).

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA :** Pangkor, saya berlaku adil di mana untuk setiap soalan lisan saya hanya bagi dua soalan tambahan. Iagipun kita ada banyak soalan untuk dijawab. Semua soalan yang ada pada saya ini adalah soalan-soalan untuk kepentingan rakyat. Bukan ini satu soalan saja. Jadi sekarang saya akan beralih kepada soalan seterusnya. Saya minta Tebing Tinggi untuk tanya soalan seterusnya.

**(8) Y.B. ENCIK ONG BOON PIOW (TEBING TINGGI)**

Isu-isu tentang IPTS dalam Negeri Perak.

- (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi pembangunan IPTS dalam negeri?
- (b) Apakah bentuk galakan diberi oleh Kerajaan Negeri bagi menarik lebih banyak penubuhan IPTS?
- (c) Sila nyatakan biasiswa serta pinjaman Kerajaan Negeri yang ditawarkan kepada pelajar IPTS untuk dipohon?

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Minta kerajaan jawab.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG** : Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Izinkan saya menjawab soalan daripada Y.B. Tebing Tinggi. Untuk bahagian (a) dan (b) Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan dasar pintu terbuka kepada sebarang permohonan penubuhan IPTS. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga memberikan perhatian yang serius terhadap pencapaian IPTS yang sedia ada baik dari segi operasi pengendalian mahupun pencapaian akademik para penuntutnya.

Walaupun tanggungjawab sektor pendidikan bukan tanggungjawab Kerajaan Negeri, pelbagai insentif dan galakan sentiasa diberikan bagi menggalakkan penubuhan IPTS dalam Negeri Perak. Antaranya, insentif dalam bentuk pengurangan premium tanah, remisyen cukai tanah dan mempercepatkan kelulusan yang berkaitan dengan tanah Kerajaan Negeri.

Untuk menjawab soalan bahagian (c) Kerajaan Negeri menawarkan bantuan kewangan berbentuk pinjaman tanpa faedah kepada pelajar-pelajar di semua IPTA, IPTS dan untuk pengajian Islam di Mesir dan Jordan. Berikut adalah senarai IPTS yang diberi penajaan pinjaman:

- Kolej Islam Darul Ridzuan (KISDAR)
- Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR)
- Institut Teknologi Negeri Tafe College (TAFE)
- Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
- Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR)
- Perak Medical College (PMC)
- Asian Institute of Medicine, Science and Technology (AIMST)

Kadar pemberian pinjaman adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>PERINGKAT PENGAJIAN</b>	<b>KADAR SETAHUN (RM)</b>
1.	<b>Diploma</b> Universiti (IPTA), Kolej (IPTS), Politeknik dan UiTM	5,000.00
2.	<b>Ijazah</b> Universiti (IPTA) dan Kolej (IPTS) <ul style="list-style-type: none"><li>● Sastera</li><li>● Sains</li></ul>	6,000.00 6,000.00
3.	<b>Ijazah Sarjana</b> IPTA dalam Negeri	10,000.00
4.	<b>PHD</b> IPTA dalam Negeri	15,000.00
5.	Mesir	6,000.00
6.	Jordan	12,000.00

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah menawarkan pinjaman sebanyak RM441,750.00 dan RM390,000 masing-masing bagi Sesi Pengajian 2007/2008 dan Sesi 2008/2009. Terima kasih.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Soalan tambahan Tebing Tinggi.

**Y.B. ENCIK ONG BOON PIOW** : Terima kasih Yang Dipertua. Terima kasih jawapan yang diberikan oleh Y.B. Thomas Su. Soalan tambahan saya adalah apakah bentuk pertolongan yang akan dihulurkan daripada Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah IPTS yang mengalami kemerosotan yang mana sekiranya tertutup, adakah akan menjejaskan pelajar-pelajar yang telah membayar yuran. Terima kasih.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG** : Kalau dari segi kewangan Kerajaan Negeri tidak memberi sebarang bantuan kewangan kepada IPTS sebab memang pengurusan IPTS adalah satu pengurusan sendiri dan untuk membantu mereka, Kerajaan Negeri memang akan merancang untuk mengadakan promosi-promosi seperti Education Fair dan dijangka pada tahun depan kita akan mengadakan Education Fair untuk kolej-kolej swasta ini mempromosikan kolej-kolej mereka sendiri. Peluang untuk penuntut-penuntut menyertai kolej masing-masing.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Canning.

**Y.B. ENCIK WONG KAH WOH** : Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan saya. Apakah usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan pinjaman-pinjaman yang disalurkan dapat dikutip semula supaya tawaran bantuan ini dapat disalurkan kepada generasi-generasi yang seterusnya. Terima kasih.

**Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG** : Memang masalah tunggakan pinjaman adalah satu masalah yang Kerajaan Negeri amat prihatin dan sehingga kini langkah-langkah yang telah diambil terdahulu walaupun mendapat sedikit kesannya tetapi tidak begitu efektif juga kerana ada peminjam-peminjam yang tidak dapat lagi dikesan. Jadi antara langkah-langkah yang kami telah cadangkan ambil adalah kita perlu kerjasama daripada agensi Kerajaan Persekutuan seperti EPF untuk mengesan di mana peminjam-peminjam mereka bekerja dan kita mungkin akan tulis pada majikan masing-masing untuk memberitahu bahawa terdapat tunggakan pinjaman yang perlu dibayar. Antara juga cadangan adalah kemungkinan kita kalau boleh kita nak blacklist peminjam-peminjam yang mempunyai tunggakan ini dari segi income tax dan imigresen tapi ini perlu kerjasama dan kami juga perlu kaji peruntukan undang-undang sama ada kita boleh berbuat demikian. Antara lagi satu cadangan yang telah diambil adalah kita akan menuduh peminjam-peminjam yang ada tertunggak pinjaman ini ke mahkamah sebab sehingga ke hari ini belum ada sesiapa yang telah dituduh untuk membayar balik tunggakan tersebut. Harap dengan tindakan yang tegas dia akan mencerminkan keseriusan, the seriousness dengan izin Kerajaan Negeri untuk mendapat balik tunggakan pinjaman ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA** : Untuk soalan seterusnya. Saya menjemput Yang Berhormat daripada Trong.

**(9) Y.B. DATUK HAJI ROSLI BIN HUSIN (TRONG)**

Kewujudan premis pusat-pusat hiburan khususnya berhampiran kawasan perumahan mewujudkan suasana yang kurang selesa di kalangan penduduk sekitar. Mohon penjelasan Y.A.B. Menteri Besar Perak :-

- (a) Sejauh manakah penguatkuasaan pihak berkuasa yang dipertanggungjawab berjaya memastikan pusat hiburan ini mematuhi syarat waktu beroperasi yang ditetapkan?
- (b) Adakah Y.A.B. sedar terdapat Pusat-Pusat Cyber Cafe beroperasi 24 jam di sesetengah kawasan perumahan yang mana rata-rata pengunjungnya terdiri daripada pelajar sekolah rendah mahupun menengah.
- (c) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Y.A.B. untuk mengatasi masalah ini?

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING** : Terima kasih Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menjawab soalan 9 dari Yang Berhormat Trong. Tuan Yang Dipertua, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Perak sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan dari semasa ke semasa ke atas pusat hiburan bagi memastikan pengusaha mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Sebagai rancangan jangka masa panjang PBT juga menerusi pelan susun atur bercadang untuk mewujudkan Zon Industri ataupun kawasan hiburan 'Entertainment Centre' di kawasan komersial yang jauh dari kawasan perumahan demi mengatasi aduan daripada penduduk-penduduk tempatan.

Bagi bahagian (b) pihak Kerajaan Negeri sentiasa memastikan supaya pengusaha Cyber Cafe mematuhi Garis Panduan yang telah dikeluarkan oleh Pihak Kerajaan. Mesyuarat Jawatankuasa Kerajaan Tempatan pada 11 Ogos 2008 telah membuat keputusan berikut:

- (i) Mesyuarat memutuskan bahawa waktu operasi bagi pusat siber dan cyber cafe adalah pada jam 12.00 malam.
- (ii) Mesyuarat juga bersetuju had umur bagi orang awam memasuki pusat siber dan cyber cafe adalah 12 tahun dan didampingi oleh ibu bapa dan tidak lewat dari 10 malam.

- (iii) Mesyuarat memutuskan bahawa mana-mana pusat siber dan cyber cafe yang menganjurkan permainan video dan perjudian haram, maka arahan tutup akan diambil. Bagi cyber cafe yang disabit kesalahan terlibat dengan kegiatan perjudian haram, arahan tutup akan diambil dengan segera tanpa rayuan.

Untuk bahagian (c) kesemua PBT dengan kerjasama pihak berkuasa yang lain sentiasa menjalankan penguatkuasaan dari semasa ke semasa dan mana-mana pengusaha yang didapati melanggar arahan dan Garis Panduan yang ditetapkan, akan diambil tindakan tegas seperti yang termaktub di bawah Undang-undang Kecil serta Garis Panduan seperti arahan menutup perniagaan serta-merta tanpa rayuan.

Selain itu juga orang awam yang mempunyai sebarang maklumat mengenai pengusaha yang menjalankan operasi selama 24 jam atau tidak mengikut peraturan diminta untuk menyalurkan maklumat kepada PBT berkenaan atau pihak berkuasa yang lain untuk diambil tindakan.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA :** Soalan tambahan Malim Nawar. Minta maaf, Trong. Saya tak nampak tadi. Saya tak nampak Trong bangun tadi. Silakan Trong.

**Y.B. DATUK HAJI ROSLI BIN HUSIN :** Terima kasih kerana Tuan Yang Dipertua tak nampak saya ni..mungkin saya ni sama dengan Yang Dipertua. Terima kasih atas jawapan daripada pihak kerajaan. Dengan itu saya ingin taulah setakat ini berapa banyakkah denda ataupun kompaun yang telah dikenakan kepada premis-premis yang telah menjalankan perniagaan seperti ini dan adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa kegiatan karaoke yang berleluasa sehingga ke kampung-kampung pada hari ini yang telahpun menjalankan aktiviti berkaraoke sehingga pukul 3 pagi. Benarkah pihak penguatkuasa menjalankan tanggungjawab dia sepertimana yang disebut oleh pihak kerajaan. Tolong berikan penjelasan.

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kawasan Trong. Berkenaan dengan jumlah kompaun yang telahpun dikutip setakat ini, saya minta notis terlebih dahulu kerana ia tidak berkaitan dengan soalan asal dan ini adalah soalan yang terperinci dan tentang kegiatan karaoke, memang terdapat syarat-syarat yang patut dipatuhi oleh pengusaha. Mana-mana yang melanggar syarat akan diambil tindakan tegas termasuk dari pihak polis. Sekiranya Yang Berhormat dapat tahu ada pihak yang melanggar syarat-syarat, pintu saya terbuka 24 jam untuk Yang Berhormat membuat aduan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA :** Silakan Malim Nawar.

**Y.B. ENCIK KESHVINDER SINGH A/L KASHMIR SINGH :** Adakah langkah-langkah lebih tegas diambil oleh pihak berkuasa memandangkan hanya membayar kompaun saja. Pemilik-pemilik premis ini yang tidak bertanggungjawab boleh membayar kompaun di mahkamah atau di Majlis-Majlis

Perbandaran. Adakah langkah-langkah yang lebih tegas seperti membatalkan perlesenan mereka supaya pemilik premis yang tidak bertanggungjawab ini menutupkan premis dan tidak lagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak begitu bersosial ini dan merupakan soalan tadi Yang Dipertua, yang pengwujudan premis-premis di pusat-pusat hiburan khususnya berhampiran kawasan perumahan dan banyak pelajar-pelajar sekolah mengunjungi premis-premis ini di kawasan perumahan. Apakah langkah-langkah kerajaan Negeri untuk memperbanyakkan lagi atau mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti seperti mendirikan gelanggang sukan ataupun mengadakan kursus komputer yang lebih bertumpukan kepada pendidikan untuk mencegah daripada pelajar-pelajar ini mengunjungi premis-premis cyber cafe ini dan juga kami perhatikan bahawa, Tuan Yang Dipertua, Rukun Tetangga di kawasan perumahan tersebut sepatutnya memainkan peranan yang lebih penting dan apa yang diperhatikan bahawa EXCO yang berkenaan tidak langsung dijemput oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga untuk menghadiri sebarang majlis dan ini menyebabkan bahawa EXCO berkenaan tidak dapat menyumbangkan atau pun memberi perhatian kepada masalah-masalah anti-sosial di kawasan perumahan. Apakah langkah-langkah seperti kami tahu bahawa Rukun Tetangga ini di bawah Kerajaan Persekutuan. Saya pohon supaya pembangkang ini menasihati Kerajaan Persekutuan supaya membenarkan Ahli-Ahli EXCO kita untuk menghadiri pada segala majlis yang diadakan oleh Rukun Tetangga. So, soalan saya adalah bahawa apakah langkah Kerajaan Negeri untuk membanteraskan gejala sosial ini mempertingkatkan aktiviti-aktiviti Rukun Tetangga di kawasan perumahan tersebut. Terima kasih.

**Y.B. ENCIK NGA KOR MING :** Terima kasih kepada Yang Berhormat kawasan Malim Nawar. Saya cuba rumuskan di mana soalan tambahan yang cuba dikemukakan oleh Yang Berhormat. Yang pertama, adalah tentang kegiatan karaoke ataupun kegiatan yang kurang yang dipanjang kurang sihat di kawasan perumahan sebab itu apabila saya tadi bangun, saya telah katakan Kerajaan Negeri berhasrat menerusi PBT merancang dengan secara rapi dan teliti supaya mewujudkan satu plan susun atur pada masa hadapan. Pada masa yang akan datang dimana akan dapat diwujudkan Zone Entertainment Center yang jauh daripada kawasan perumahan supaya bunyi ataupun kacau ganggu berakibat daripada bunyi-bunyi pusat hiburan tidak lagi menjadi satu sumber gangguan kepada penduduk-penduduk tempatan pada waktu lewat malam dan yang kedua adalah mengenai tindakan tegas yang akan diambil terhadap pengusaha-pengusaha cyber cafe yang ingkar ataupun gagal mematuhi syarat-syarat. Kerajaan Pakatan Rakyat adalah kerajaan berdasarkan kepada lunas-lunas undang-undang, kita akan memantau dan mengambil tindakan yang tegas berdasarkan kepada undang-undang termasuk mengeluarkan kompaun dan juga menarik balik lesen perniagaan yang dikeluarkan terlebih dahulu. Sekiranya undang-undang izinkan di mana PBT juga akan tidak berwas-was untuk menutup premis yang telah gagal mematuhi syarat-syarat. Tentang soalan yang terakhir, soalan tambahan terakhir adalah di mana wakil-wakil kerajaan ataupun EXCO tidak dibenarkan untuk masuk ke sekolah supaya dapat menyampaikan mesej maka saya nasihati supaya pada Pilihanraya yang akan datang, Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih tampuk pimpinan Kerajaan Persekutuan maka masalah ini akan diatasi. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR :** Stop. (GANGGUAN).

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA :** Pangkor. Kita.....(GANGGUAN). Mana ada soalan tambahan lagi. Sudah habis. Sudah habis. Sudah. sudah. Sila duduk Pangkor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, masa sudah tamat untuk sesi soal jawab bagi soalan-soalan lisan. Sekarang kita beralih kepada perkara yang seterusnya.

## **V. RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL PERBELANJAAN**

### **(1) ENAKMEN PINJAMAN (PERBEKALAN AIR) 2008**

### **(2) ENAKMEN PERBEKALAN 2009**

**Y.A.B. MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon izin mengemukakan:

(1) Enakmen Pinjaman (Perbekalan Air) 2008

(2) Enakmen Perbekalan 2009

dibaca bagi yang pertama.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA:** Bacaa kali yang kedua, bila.

**Y.A.B. MENTERI BESAR:** Dalam mesyuarat ini juga.

### **(1) ENAKMEN PINJAMAN (PERBEKALAN AIR) 2008**

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM:** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang bernama:

“Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pinjaman (Perbekalan Air) 1959”

dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin mengutarakan usul yang berbunyi:

“Suatu Rang Undang-Undang yang dinamakan sebagai Enakmen Pinjaman (Perbekalan Air)(Pindaan) 2008 diluluskan bagi meminda Enakmen Pinjaman (Perbekalan Air) 1959 untuk meningkatkan siling pinjaman projek bekalan air Kerajaan Negeri Perak daripada Kerajaan Persekutuan daripada RM458 juta kepada RM1.5 bilion berkuat kuasa mulai 1 Disember 2004.”

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Enakmen Pinjaman (Perbekalan Air) 1959 atau *Loans (Water Supplies) Enactment, 1959* merupakan satu enakmen yang membenarkan Kerajaan Negeri meminjam daripada Kerajaan Persekutuan tidak melebihi RM15 juta untuk tujuan bekalan air. Enakmen ini telah mengalami beberapa siri pindaan pada

tahun-tahun berikutnya dan yang terakhir ialah menerusi Enakmen Pinjaman (Perbekalan Air) (Pindaan) 1996 dengan had siling yang diluluskan sebanyak RM458 juta. Ia membolehkan Kerajaan Negeri membuat pinjaman tanpa faedah bagi projek bekalan air negeri daripada Kerajaan Persekutuan. Sehingga kini jumlah pinjaman tanpa faedah yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri untuk projek-projek bekalan air adalah sebanyak RM931.78juta.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, usul ini mencadangkan supaya pindaan diluluskan berkuat kuasa “mulai 1 Disember 2004” kerana pindaan kepada Enakmen Pinjaman (Perbekalan Air) 1959 pada tarikh berkenaan adalah perlu bagi mengaturcarakan pinjaman yang telah melebihi siling yang dibenarkan bermula daripada tarikh tersebut.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya mencadangkan supaya usul ini diterima dan diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA:** Ada sokongan?

**Y.B. ENCIK CHAN MING KAI:** Tuan Yang Dipertua, Simpang Pulai sokong.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA:** Disokong oleh Simpang Pulai.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ialah Rang Undang-Undang bernama:

“Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pinjaman (Perbekalan Air) 1959”

dibaca bagi kali kedua. Sekarang masalah ini dibuka untuk perbahasan.

**(TIADA PERBAHASAN)**

Jika tiada perbahasan, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ialah bahawa Rang Undang-Undang yang bernama:

“Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pinjaman (Perbekalan Air) 1959”

dibaca bagi kali yang kedua. Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput mengundi, yang bersetuju, sila bersuara “bersetuju” dan yang tidak bersetuju, sila bersuara “tidak”. Lebih bersuara “bersetuju”. Maka usul itu dipersetujui.

**SETIAUSAHA:** “Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pinjaman (Perbekalan Air) 1959” dibaca bagi kali yang kedua.

**Y.B. DATO’ NGEH KOO HAM:** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mengusulkan bahawa Rang Undang-Undang yang bernama:

“Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pinjaman (Perbekalan Air) 1959”

diserahkan kepada Jawatankuasa Seisi Dewan dan Dewan bertukar diri menjadi sebuah Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-Undang itu dari sefasal ke sefasal.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA:** Ada sokongan?

**Y.B. ENCIK CHAN MING KAI:** Tuan Yang Dipertua, Simpang Pulai sokong.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA:** Simpang Pulai telah menyokongnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bertukar diri menjadi sebuah Jawatankuasa untuk menimbang Rang Undang-Undang itu dari sefasal ke sefasal.

### ***[DEWAN BERSIDANG SEBAGAI SEBUAH JAWATANKUASA]***

**SETIAUSAHA: FASAL 1 HINGGA FASAL 3**

**TUAN Pengerusi:** Masalah bahawa Fasal 1 hingga Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ada apa-apa perbahasan?

### ***[TIADA PERBAHASAN]***

Jika tiada, dijemput Ahli-ahli Yang Berhormat mengundi, yang bersetuju, sila bersuara “bersetuju” dan yang tidak bersetuju, sila bersuara “tidak”. (Tiada bersuara “tidak”) Maka usul itu dipersetujui.

**Y.B. DATO’ NGEH KOO HAM:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengusulkan bahawa Rang Undang-Undang yang bernama:

“Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pinjaman (Perbekalan Air) 1959”

yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa ini dimaklumkan kepada Dewan dengan serta-merta.

**TUAN Pengerusi:** Sekarang saya akan mengemukakan masalah bahawa Rang Undang-Undang yang bernama:

“Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pinjaman (Perbekalan Air) 1959”

yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa ini dimaklumkan kepada Dewan. Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput mengundi, yang bersetuju, sila bersuara “bersetuju” dan yang tidak bersetuju, sila bersuara “tidak”. Lebih bersuara “bersetuju”. Maka usul itu dipersetujui. Dewan bersidang semula.

### ***[DEWAN BERSIDANG SEMULA]***

### **BACAAN KETIGA**

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM:** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin mengusulkan bahawa Rang Undang-Undang yang bernama:

“Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pinjaman (Perbekalan Air) 1959”

telahpun ditimbang dari sefasal ke sefasal dalam Jawatankuasa bagi seisi Dewan dan telah dipersetujui. Dengan ini saya minta izin mengusulkan bahawa Rang Undang-Undang ini sekarang dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA:** Ada sokongan?

**Y.B. ENCIK CHAN MING KAI:** Tuan Yang Dipertua, Simpang Pulai sokong.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA:** Simpang Pulai menyokong.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang yang bernama:

“Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pinjaman (Perbekalan Air) 1959”

dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput mengundi, yang bersetuju, sila bersuara “bersetuju” dan yang tidak bersetuju, sila bersuara “tidak”. Lebih bersuara “bersetuju”. Maka Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

**SETIAUSAHA:** “Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pinjaman (Perbekalan Air) 1959” dibaca bagi kali yang ketiga dan telah diluluskan.

**(2) ENAKMEN PERBEKALAN 2009**

**SETIAUSAHA:** Enakmen yang kedua, Enakmen Perbekalan 2009 akan dibawa oleh Y.A.B. Menteri Besar Perak Darul Ridzuan.

**Y.A.B. MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua, saya mohon izin mengusulkan Rang Undang- Undang yang bernama:

“Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2009 dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu”

sekarang dibaca bagi kali kedua.

“Memandangkan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan 2009 dan Usul Kumpulan Wang Pembangunan 2009 yang dibentangkan kepada Dewan sebagai Kertas Dewan Bil. 8/2008 adalah berkaitan, maka saya mohon izin mengusulkan bahawa Dewan ini mengambil ketetapan, bacaan kali kedua Rang Undang-Undang Perbekalan 2009, Usul supaya Dewan ini bertukar diri menjadi sebuah Jawatankuasa Seisi Dewan untuk menimbang Usul Kumpulan Wang Pembangunan Negeri 2009 yang dibentangkan kepada Dewan sebagai Kertas Dewan Bil. 8/2008 hendaklah dibahaskan dengan sekaligus.”

Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA:** Ada sokongan?

**Y.B. DRS. KHALIL IDHAM LIM BIN ABDULLAH:** Titi Serong menyokong.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA:** Titi Serong menyokong. Ahli-ahli Yang Berhormat,

“Memandangkan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan 2009 dan Usul Kumpulan Wang Pembangunan 2009 yang dibentangkan kepada Dewan sebagai Kertas Dewan Bil. 8/2008 adalah berkaitan, Y.A.B. Menteri Besar mengusulkan bahawa Dewan ini mengambil ketetapan, bacaan kali kedua Rang Undang-Undang Perbekalan 2009, Usul supaya Dewan ini bertukar diri menjadi sebuah Jawatankuasa Seisi Dewan untuk menimbang Usul Kumpulan Wang Pembangunan Negeri 2009 yang dibentangkan kepada Dewan sebagai Kertas Dewan Bil. 8/2008 hendaklah dibahaskan dengan sekaligus.”

dan telah mendapat sokongan.

**Y.A.B. MENTERI BESAR:** A`uzubillahi minasyaitanir Rajim. Bismillahir  
Rahmani Rahim.  
Firman Allah swt:

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ﴿٣﴾ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ ﴿٤﴾ إِنَّ  
اللَّهَ بَلِغُ أَمْرِهِ ﴿٥﴾ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ﴿٦﴾

(At Taalaq: 2 – 3)

*Maksudnya: Barang siapa bertakwa kepada Allah nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar. Dan memberinya rezeki dari arah yang tiada disangka-sangkanya. Dan barang siapa yang bertawakal kepada Allah, nescaya Allah akan mencukupkan (keperluan)nya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan yang dikehendakinya, sesungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu.*

Assalamu`alaikum Warahmatullahi Ta`ala Wabarokatuh dan Salam Sejahtera.

*Alhamdulillah hirobbil `alamin, wabihinasta`in wassolatu wassalamu`ala asrafil  
ambbia iwalmursalin, wa`ala ahlihi wasohbihi ajma`in.*

*Subhanakala `ilmalana ilama `alamtana innaka antal`alimulhakim, walaqhaulawala qhuatailla billahhilalil `azim*

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin membawa usul-usul berikut :

- (i) Mengusulkan bahawa Rang Undang-Undang yang dinamakan  
“Suatu Enakmen bagi penggunaan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2009 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu,”

dibacakan bagi kali kedua.

- (ii) Mengusulkan satu ketetapan yang berbunyi:  
“Bahawa butir-butir dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Dewan Bilangan 8/2009, adalah dengan ini diumumkan menjadi tujuan yang mana Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 itu boleh digunakan. Bahawa perbelanjaan sejumlah wang sebanyak Satu Ratus Tujuh Puluh Lima Juta, Lapan Ratus Tiga Puluh Lapan Ribu Ringgit (RM175,838,000) yang ditunjukkan

dalam penyata tersebut adalah dengan ini diluluskan bagi tahun 2009. Seterusnya jumlah wang yang ditunjukkan berhadapan dengan tiap-tiap butir dalam penyata itu adalah dengan ini diperuntukkan bagi maksud-maksud yang ditetapkan”.

Alhamdulillah hirrabbil `Alamin. Saya merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Azzawajalla, Tuhan Yang Maha Perkasa, Maha Pengurnia, Maha Adil lagi Maha Penyayang, Kesyukuran seluas keredaan Allah ke atas diri-Nya sendiri, sebanyak makhluk ciptaan-Nya, seberat Arasy-Nya dan seluas ilmu-Nya di atas izin dan kurnia-Nya yang membolehkan saya membentangkan Bajet tahun 2009 Negeri Perak Darul Ridzuan. Tahun 2008 ini juga merupakan tahun yang amat besar ertinya kepada Kerajaan Pakatan Rakyat kerana buat pertama kalinya membentangkan Bajet tahun 2009 Negeri Perak Darul Ridzuan setelah 51 tahun kemerdekaan negara.

Sebagaimana Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum, tsunami politik negara semasa Pilihan raya Umum Ke-12 pada 8 Mac 2008 telah memberi peluang pada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat untuk mentadbir Negeri Perak. Mandat oleh rakyat kepada kerajaan Pakatan Rakyat yang dianggotai oleh Parti Islam se-Malaysia (PAS), Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti KeAdilan Rakyat (PKR) merupakan satu amanah besar dan kepercayaan penting pada barisan kepimpinan Pakatan Rakyat untuk melaksanakan tanggungjawab memimpin, merancang dan memajukan negeri Perak ke arah yang lebih adil dan berkeadilan. Pentadbiran baru Kerajaan Negeri yang berteraskan prinsip adil, amanah, telus, wibawa dan berkeadilan akan terus dipegang dan dilaksanakan untuk kemakmuran negeri dan rakyat Perak Darul Ridzuan tanpa membezakan agama, bangsa, kaum, jantina dan fahaman politik.

Petikan ayat yang saya baca tadi menjelaskan kepada kita bahawa sesiapa sahaja di kalangan hamba-Nya yang takwa atau takut hanya kepada Allah S.W.T. Allah akan jadikan kehidupannya mudah dan senang dengan rezeki yang datangnya tidak disangka-sangka, takwa yang melayakkan untuk memperoleh jalan keluar itu mestilah diukur dari aspek sejauh mana mentaati segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Selain itu, Allah swt perintahkan hamba-Nya supaya menyerahkan segala urusan yang telah diusahakannya dengan bertawakal kepada-Nya. Dengan itu segala kehidupan yang dilalui akan sentiasa mencukupinya.

Dalam ayat yang lain Allah S.W.T. berfirman :-

هَلْ أَتَى عَلَى الْإِنْسَانِ حِينٌ مِّنَ الدَّهْرِ لَمْ يَكُن شَيْئًا مَّذْكُورًا ﴿١٠٠﴾ إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِن

نُطْفَةٍ أَمْشَاجٍ نَّبْتَلِيهِ فَجَعَلْنَاهُ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿١٠١﴾ إِنَّا هَدَيْنَاهُ السَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا

Dengan izin, maksudnya :

*Bukankah telah berlalu kepada manusia satu ketika dari masa yang beredar, sedang ia masih belum wujud lagi, dan tidak menjadi sesuatu benda yang disebut-sebut. Sesungguhnya kami telah aturcara cara mencipta manusia bermulanya air mani yang bercampur dari benih lelaki dan perempuan, serta Kami mengujinya dengan perintah dan larangan, oleh itu maka Kami jadikan dia berkeadaan mendengar dan melihat. Sesungguhnya Kami telah menunjukkan kepadanya akan jalan yang benar dan jalan yang salah, maka terserahlah kepadanya sama ada ia bersyukur ataupun kufur.*

(Al Insaan: ayat 1 – 3)

Ayat tadi merupakan penegasan dan peringatan Allah S.W.T. mengenai tujuan penciptaan manusia sejak azali, iaitu untuk diuji dengan perintah dan larangan. Pendengaran dan penglihatan yang dikurniakan oleh Allah swt kepada manusia adalah untuk memahami dan melaksanakan segala perintah dan larangan Allah swt. dengan memberi petunjuk ke jalan yang lurus, namun ada manusia yang tetap mengkufuri-Nya.

Sempena pembentangan Bajet Tahun 2009, kerajaan menyedari bahawa amanah memimpin dan mengurus-tadbir adalah amanah yang besar dan berat untuk kerajaan Negeri Pakatan Rakyat melaksanakan pelbagai agenda dan pembangunan untuk rakyat di negeri Perak Darul Ridzuan. Kerajaan menginsafi betapa kerajaan Pakatan Rakyat perlu membuktikan keupayaannya untuk mentadbir negeri Perak dengan program yang jauh lebih adil, telus dan sensitif pada suara dan keperluan rakyat.

Dengan menimbangkan betapa cabaran kerajaan negeri Perak kini adalah lebih berat memandangkan ketidaktentuan keadaan ekonomi global dan kekangan kewangan, justeru itu selaku Menteri Besar, saya akan memastikan semua wakil rakyat Pakatan Rakyat dan pegawai-pegawai kerajaan bekerja dengan keras, cerdas dan ikhlas bagi meyakinkan rakyat akan kemampuan kerajaan Pakatan Rakyat untuk mengurus Negeri Perak dengan lebih berkesan.

Ingin saya tegaskan bahawa rakyat menaruh harapan yang sangat tinggi pada Kerajaan Negeri hari ini, dan yakin bahawa Kerajaan Negeri berkemampuan untuk membasmi segala kepincangan, ketidaktelusan, ketidakcekapan pengurusan dan pentadbiran, peminggiran golongan miskin, salah guna kuasa serta amalan korupsi, kronisme dan kolusi.

Sehubungan itu, saya ingin tegaskan betapa kerajaan negeri mempunyai tahap keprihatinan yang tinggi dan komited untuk mengiktiraf kepentingan bekerjasama dan sama-sama bekerja dengan semua pihak seperti badan-badan bukan kerajaan sebagai gerakan sivil yang *legitimate* dengan izin, untuk menjadi rakan dalam proses pembangunan negeri. Lantaran itu kesungguhan tersebut perlu ditunjukkan dalam bentuk membantu dan memberi peruntukan dan kemudahan yang mencukupi kepada pertubuhan tersebut untuk bergerak bersama dalam usaha mengangkat martabat sosioekonomi rakyat.

Dalam merangka bajet tahun 2009, lima prinsip menjadi teras utama pelaksanaannya, iaitu prinsip Keadilan, Amanah, Kewibawaan, Ketelusan dan Kebajikan. Kerajaan akan memastikan bahawa kuasa memerintah merupakan amanah Allah swt yang dipertanggungjawabkan di akhirat kelak, dan rakyat yang mengamanahkan kuasa pula berhak mempersoalkan dalam medium terbuka. Justeru itu, keadilan bermakna memberi pada yang berhak dengan penuh saksama tanpa mengira agama, bangsa, jantina dan fahaman politik. Semua rakyat di Perak adalah rakyat Malaysia yang terikat di bawah Perlembagaan Persekutuan. Dalam pada itu, saya ingin menegaskan bahawa hak-hak istimewa orang Melayu yang dijamin di bawah Fasal 152 dan Fasal 153 Perlembagaan itu, akan tetap dipertahankan.

Firman Allah S.W.T. :

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْمُنْكَرِ الْفَحْشَاءِ وَالْبَغْيِ  
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾

*Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat, dan Allah melarang dari perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran. (Al Nahl: 90)*

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

Bajet Tahun 2009 ini juga memaparkan kesungguhan dan komitmen kerajaan Negeri yang baru memerintah kurang lebih lapan bulan ke arah kesejahteraan rakyat. Bajet bertemakan usaha menzahirkan negeri berkeadilan ini berhasrat membawa negeri Perak dan rakyatnya ke satu tahap pembangunan sosioekonomi dan pembangunan insan yang seimbang. Bajet ini akan menjadi pelengkap pada usaha Kerajaan Negeri ke arah memenuhi janji dan manifesto Pilihan Raya Umum Ke -12.

Bagaimanapun, bajet bukanlah sekadar melengkapkan data dan angka agar menunjukkan satu indeks perangkaan yang manis dipandang daripada segi defisit atau pertumbuhan perbelanjaan dan pendapatan. Bajet 2009 ini benar pada hakikatnya masih menunjukkan defisit tetapi ia lebih mementingkan pada usaha pengagihan kemakmuran yang lebih adil ke arah membina satu paksi kerohanian rakyat atau warga Perak yang lebih seimbang.

Apa erti kemakmuran yang melimpah jika anugerah Allah swt itu cuma berkisar pada dua tiga manusia yang terpilih. Dalam hal ini, Allah swt pernah memperingati kita.

﴿ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةٌ بَيْنَ الْأَعْيَانِ مِنْكُمْ ﴾

Oleh itu, demi memupuk pembentukan masyarakat penyayang, Kerajaan Negeri tidak akan mengabaikan golongan kurang bernasib baik. Kita berazam untuk memastikan setiap rakyat dapat bersama mengecap hasil pembangunan dan menikmati hasil kemakmuran negeri.

Keseimbangan seumpama ini pastinya akan dapat menjana satu proses pembangunan insaniah tanpa mengira perbezaan bangsa dan fahaman politik. Saya ingin menarik perhatian semua mengenai hal ini termasuk ahli dewan yang mulia ini agar terus berusaha mengekalkan keamanan dan sesekali tidak melanggar tertib dan peraturan yang ditetapkan. Ingatlah apa jua yang mulia di sisi Allah wajib sentiasa didahulukan dan apa jua yang ada di sisi manusia hendaklah sentiasa selaras dan berada di bawah dari kepentingan-Nya.

Negeri Perak, sebagai salah sebuah Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang berada dalam sebuah Negara Malaysia, akan tentulah tetap tertakluk dan terpengaruh dengan iklim ekonomi serantau dan dunia. Oleh kerana itulah, Bajet 2009 ini dirangka sedemikian rupa dengan mengambil kira perkembangan ekonomi mendatang dan permasalahan yang akan dihadapi rakyat. Ia dibuat agar dapat mengimbangi kesejahteraan serta kemakmuran rakyat berasaskan kemunasabahan kewangan Kerajaan negeri yang tentunya terhad.

Namun demikian, secara keseluruhannya prospek ekonomi negeri Perak bagi 2009 Insya-Allah dijangka jauh lebih selesa dengan beberapa perubahan yang dibuat terutama daripada segi perolehan pendapatannya, walaupun pertumbuhan ekonomi global dijangka agak lembap berikutan kesan ketidaktentuan dan kecelaruan ekonomi dunia dan Malaysia sendiri.

Saya ingin mengingatkan rakyat agar tidak merasai gusar dan bimbang dengan perkembangan mutakhir ekonomi dunia yang mungkin menjejaskan pertumbuhan ekonomi negeri Perak. Usaha telah dan akan dilakukan untuk menarik lebih banyak pelabur ke negeri Perak yang sekali gus akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9) telah memasuki tahun ketiga tempoh pelaksanaannya pada tahun 2008 dengan siling peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak 8.3 bilion ringgit. Bagi tahun 2008, sebanyak 1.9 bilion ringgit telah diperuntukkan bagi Negeri Perak untuk pelaksanaan projek-projek tersebut. Sehingga bulan September 2008, peruntukan RMK-9 yang telah dibelanjakan adalah sebanyak 1.0 bilion ringgit atau 54.39 peratus. Sebanyak 286 projek telah disiapkan daripada keseluruhan 1,626 projek RMK-9 dan sebahagiannya melibatkan projek sambungan RMK-8. Bagi projek RMK-9 di bawah peruntukan Kerajaan Negeri pula, perbelanjaan sehingga 30 September 2008 telah mencapai 448.43 juta ringgit atau 34.23 peratus dari siling RMK-9 berjumlah 1.31 bilion ringgit. Walau bagaimanapun, sekiranya berdasarkan jumlah peruntukan RMK-9 yang telah diluluskan sebanyak 648.91 juta ringgit, prestasi perbelanjaan adalah sebanyak 69.10 peratus.

Perak Hi Tech Park (PHTP) merupakan komponen pembangunan di bawah strategi negeri Perak sebagai sebuah negeri maju menjelang tahun 2015. Ia dibangunkan seiring dengan dasar-dasar negara yang terkandung dalam RMK-9, Pelan Induk Perindustrian Ketiga (Third Industrial Master Plan) serta National MSC Roll Out Program. Model pembangunannya adalah berdasarkan standard atau garis panduan International Association of Science Park. Terdapat tiga (3) komponen utama yang menjadi teras pembangunan PHTP iaitu Perak Hi-Tech Industrial Park (PHTIP) seluas 3,349 ekar, MSC Cyber Center @ Meru Raya seluas 209 ekar dan Government Precint seluas 150 ekar. esemua kawasan ini terletak di Bandar Meru Raya di daerah Kinta sehingga ke kawasan Khantan, Sungai Siput. Bagi memberikan impak yang menyeluruh di negeri Perak, PHTP turut melibatkan inisiatif-inisiatif hub termasuk pembangunan pusat bio-farm dan R&D di Hulu Perak serta hub bio-fuel dan bio-liquid di Pelabuhan Lumut, Manjung.

Sepanjang tempoh RMK-9, sebanyak 76.4 juta ringgit telah diluluskan oleh kerajaan bagi membangunkan PHTP dengan memfokuskan kepada pembangunan infrastruktur, R & D serta logistik. Dari segi kemajuan fizikal, secara keseluruhannya Kerajaan Negeri melalui Badan-Badan Berkanunnya telah mencapai kemajuan sehingga 20 peratus terutama di MSC Cyber Center @ Meru Raya apabila bangunan Perak Techno Trade Centre (PTTC) siap dan beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 2008. Selain itu, kerja-kerja pembinaan bangunan R&D Centre dan bangunan Creative Content Resources Centre sedang dilaksanakan dan mencapai kemajuan 60 peratus. Sehingga kini, 14 syarikat ICT berstatus MSC beroperasi di Meru Raya selain dari 16 syarikat ICT yang turut beroperasi di kawasan berkenaan. Keseluruhan pelaburan yang bakal dijana di MSC @ Meru Raya dianggarkan berjumlah 399.2 juta ringgit. Bagi pembangunan PHTIP pula, berlaku sedikit kelewatan terutama pembinaan jalan masuk disebabkan masalah setinggan yang perlu diselesaikan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, asas ekonomi negara yang kekal kukuh serta peningkatan permintaan dalam negeri membolehkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi suku pertama mencatat pertumbuhan 7.1 peratus, dan 6.3 peratus bagi suku kedua, lalu meletakkan KDNK bagi setengah tahun pertama 2008 pada tahap 6.7 peratus. Berasaskan daya tahan ekonomi yang kukuh, iaitu simpanan domestik yang tinggi serta kestabilan mata wang ringgit yang tidak tertakluk kepada sebarang susut nilai, negara seharusnya berupaya untuk berjaya mengatasi krisis ekonomi global kini. Harga minyak yang semakin menurun memberikan kesan yang positif kepada ekonomi negara untuk kekal stabil, dengan pertumbuhan KDNK dianggarkan antara 5.0 hingga 5.5 peratus pada tahun ini.

Berdasarkan perkembangan tersebut, Negeri Perak dijangka mampu mengekalkan prestasi pelaburan yang diperlukan untuk membangunkan negeri ini. Berdasarkan faktor-faktor yang telah dinyatakan, KDNK Negeri Perak dijangka berlegar pada kadar 5.0 peratus pada tahun 2008. Jumlah pelaburan yang diterima oleh Negeri Perak sehingga Jun 2008 adalah sebanyak 947 juta ringgit di mana 75.0 peratus daripada jumlah tersebut merupakan pelaburan asing.

Pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2009 dijangka berkembang pada kadar yang lebih kecil iaitu sekitar 3.5 peratus. Penguncupan ini mempunyai kaitan dengan keadaan ekonomi dunia yang tidak stabil ekoran krisis ekonomi di Amerika Syarikat dan pendapatan negara yang berkurangan disebabkan ketidaktentuan dasar ekonomi negara. Akan tetapi, keadaan di negara tidaklah seburuk negara-negara lain di Asia Tenggara kerana mempunyai asas ekonomi yang kukuh.

Pencapaian negara secara langsung akan memberi kesan kepada ekonomi Negeri Perak. Kadar KDNK Negeri Perak dijangka sejajar atau mungkin lebih kecil daripada kadar pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2009. Akan tetapi, diharapkan keadaan bagi Negeri Perak akan lebih baik dengan didorong melalui projek-projek di bawah RMK-9, PHTP termasuk MSC Malaysia Cybercentre @ Meru Raya.

Selain itu, pembangunan ekonomi negeri turut akan dipacu melalui projek-projek pembangunan Wilayah Pembangunan Ekonomi Koridor Utara (NCER). Di bawah RMK-9, peruntukan NCER yang diluluskan adalah sebanyak 324.65 juta ringgit di mana sektor pertanian memperoleh peruntukan terbesar sebanyak 135.25 juta ringgit dan diikuti sektor pelancongan sebanyak 58.50 juta ringgit. Sektor-sektor lain adalah sektor perkhidmatan korporat dan pelaburan yang diperuntukkan sebanyak 52.0 juta ringgit, sektor pendidikan sebanyak 51.90 juta ringgit dan sektor pembangunan sosial sebanyak 27.0 juta ringgit.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat menyedari bajet tahunan Negeri Perak telah mengalami defisit selama empat (4) tahun berturut-turut mulai tahun 2005 (15.45 juta ringgit), 2006 (33.59 juta ringgit), 2007 (34.79 juta ringgit) dan tahun 2008 (39.99 juta ringgit). Menyedari perkara ini, Kerajaan Negeri akan berusaha untuk mengurangkan defisit bajet ini secara realistik dan berperingkat-peringkat pada setiap tahun berdasarkan kutipan hasil dengan tidak menjejaskan kesejahteraan rakyat.

Kerajaan dan rakyat Negeri Perak seharusnya bersyukur kerana Negeri Perak mempunyai kedudukan kewangan yang baik bagi menampung pengurusan dan pembangunan negeri. Sehingga 31 Oktober 2008, Kerajaan Negeri mempunyai simpanan semasa, simpanan tetap dan pelaburan sebanyak 813.89 juta ringgit pada nilai buku manakala jika berdasarkan nilai pasaran pula, nilainya adalah 850.85 juta ringgit.

Untuk tahun 2009, Kerajaan Negeri akan menerima sumbangan berjumlah 50.0 juta ringgit di mana Lembaga Air Perak (LAP) telah bersetuju memberikan sumbangan dalam bentuk prabayar royalti sebanyak 30.0 juta ringgit, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) sebanyak 15.0 juta ringgit, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) berjumlah 3.0 juta ringgit dan 2.0 juta ringgit daripada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI).

Peningkatan sumbangan Badan-Badan Berkanun tersebut adalah sebanyak 7.0 juta ringgit berbanding tahun 2008. Kesemua Badan Berkanun Kerajaan Negeri tersebut mampu memberikan sumbangan kepada Kerajaan Negeri kerana telah memperoleh keuntungan daripada aktiviti masing-masing.

Dengan keupayaan kewangan Kerajaan Negeri seperti yang saya telah bentangkan sebentar tadi, strategi Bajet 2009 adalah dicadangkan seperti berikut:

Setelah mengambil kira senario ekonomi dunia dan negara pada ketika ini, strategi Bajet 2009 Negeri Perak adalah seperti berikut:

- (i) Menjadi sebuah negeri berkebajikan;
- (ii) Meneruskan dasar perbelanjaan secara berhemah dan berjimat cermat serta mempertingkatkan hasil pendapatan negeri;
- (iii) Memastikan kesejahteraan rakyat dan peningkatan kualiti kehidupan di luar bandar dan bandar; dan
- (iv) Menyediakan sistem penyampaian sektor awam yang jauh lebih efisien

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

### **STRATEGI PERTAMA**

Mulai 1 Ogos 2008, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat telah memulakan usaha menjadikan negeri Perak sebagai Negeri Berkebajikan selaras dengan manifesto Pakatan Rakyat iaitu dengan keputusan pemberian air percuma kepada penduduk negeri ini yang berpendapatan rendah. Melalui usaha tersebut, setiap keluarga yang layak akan menerima bekalan air percuma sebanyak RM10.00 sebulan atau 20m<sup>3</sup> (padu). Kategori penerima yang layak akan ditentukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam Perak dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Sehingga 15 Oktober 2008, sebanyak 4,428 akaun telah diluluskan menerima bantuan tersebut dan dijangka bilangan penerima yang layak mendapat bantuan ini akan meningkat pada masa hadapan. Selain itu, kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak 1.0 juta ringgit bagi membantu meringankan beban miskin tegar di seluruh Perak kesan daripada kenaikan harga beras, minyak dan lain-lain.

Kerajaan Negeri juga telah meluluskan pemberian tanah seluas 1000 hektar kepada sembilan buah sekolah persendirian Cina. Pemberian ini dibuat kerana sekolah-sekolah ini bergerak melalui sumbangan wang awam (SUWA) dan cuma mendapat bantuan Kerajaan Negeri sebanyak 30 ribu ringgit setahun. Tanah yang dikurniakan akan diusahakan dengan aktiviti pertanian bagi menampung kos pentadbiran sekolah melalui sumber pendapatan tetap dan mengurangkan pergantungan kepada pihak lain.

Kerajaan Negeri juga akan menggunakan kaedah yang sama untuk membantu Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Persendirian Tamil secara yang adil. Bagi Sekolah Agama Rakyat, pemberian sebanyak 1000 hektar akan diberikan selepas mereka mewujudkan Badan Pentadbir atau Pemegang Amanah kerana pada masa ini semua sekolah berkenaan ditadbir secara berasingan. Manakala bagi sekolah Tamil pula, didapati tiada sekolah Tamil yang ditadbir secara persendirian kerana semuanya dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Dasar Negeri Berkebijakan diteruskan pada tahun 2009 dengan peruntukan sebanyak 12.0 juta ringgit disediakan untuk tujuan tersebut. Daripada peruntukan tersebut, 6.0 juta ringgit disediakan untuk sumbangan derma siswa RM1,000 seorang kepada 6,000 anak Perak yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat IPTA. Sumbangan berkenaan akan diberikan kepada pelajar yang pendapatan ibu bapa mereka kurang daripada RM1,500 sebulan atau mempunyai tanggungan keluarga yang ramai.

Selain itu, peruntukan 4.09 juta ringgit disediakan untuk tujuan yang berkaitan Pendidikan Islam. Peruntukan tersebut digunakan bagi pemberian kenaikan elaun bulanan sebanyak RM75.00 sebulan kepada penyelia KAFA iaitu dari RM750.00 kepada RM825.00 sebulan serta guru KAFA dari RM500.00 kepada RM575.00 sebulan. Ini akan dinikmati oleh 3,145 orang penyelia dan guru KAFA. Melalui peruntukan ini, bantuan per kapita dikembalikan kepada 22 buah Sekolah Agama Rakyat yang telah diberhentikan sebelum ini. Jumlah bantuan per kapita yang diberi adalah RM70.00 seorang di Sekolah Menengah dan RM60.00 seorang di Sekolah Rendah untuk setahun. Manakala bantuan asrama juga akan diberikan iaitu RM2.00 x 220 hari di mana setiap pelajar akan dibantu RM440.00 seorang setahun.

Kerajaan Negeri juga bersetuju menaikkan elaun guru Tadika Islam Perak daripada RM450 sebulan kepada RM575.00 sebulan untuk manfaat 149 orang guru dengan peruntukan 250 ribu ringgit.

Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan 1.0 juta ringgit untuk sumbangan takaful kifalah atau *funeral expenses* dengan izin kepada warga emas dari golongan miskin di Negeri Perak berusia 65 tahun ke atas yang meninggal dunia tanpa mengira agama dan ideologi politik. Untuk itu, waris akan menerima sumbangan RM1,000 bagi setiap kematian dan ianya sedikit sebanyak dapat meringankan kos pengebumian.

Di samping peruntukan 12.0 juta ringgit tersebut, mulai tahun 2009, Kerajaan Negeri meluluskan pemberian kenaikan elaun ketua kampung dan pemberian elaun kepada setiausaha JKKK di 815 buah kampung tradisional dan 134 kampung baru dengan peruntukan sebanyak 4.88 juta ringgit. Untuk itu, elaun ketua kampung tradisional akan dinaikkan RM200 kepada RM400 sebulan manakala setiausaha JKKK akan diberikan elaun RM200 sebulan. Bagi kampung baru pula, ketua kampung juga akan menerima elaun bulanan sebanyak RM400 dan setiausaha berjumlah RM200.

Selain itu, peruntukan daripada P.02 – Perkhidmatan Masyarakat dan Luar Bandar akan digunakan bagi meneruskan dasar-dasar Negeri Berkeadilan antaranya dengan menubuhkan Tabung Khas Kebajikan Rakyat dengan peruntukan sebanyak 2.0 juta ringgit. Tabung ini ditubuhkan bagi membantu dan memelihara kebajikan rakyat yang menghadapi kesusahan seperti mengalami penyakit kronik, anak-anak yatim, ibu tunggal yang mempunyai tanggungan anak, kebajikan ahli keluarga mangsa Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), warga tua dan golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Tabung ini diselenggarakan oleh satu Jawatankuasa yang akan diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Agama, Pendidikan Islam, Hal Ehwal Wanita dan Kebajikan. Amaun bantuan bulanan kebajikan kepada rakyat yang benar-benar memerlukan mengikut kategori juga akan dinaikkan dengan kadar minimum 200 ringgit sebulan dan tidak melebihi 400 ringgit sebulan. Bagi mewujudkan dana tetap dalam Tabung Khas Kebajikan Rakyat ini, kerajaan negeri akan memastikan anak-anak syarikat milik kerajaan negeri menyumbangkan secara tetap setiap tahun kepada Tabung Khas Kebajikan Rakyat ini.

Kerajaan juga memandang berat dan peka terhadap permasalahan ibu tunggal yang ditinggalkan suami kerana kematian atau perceraian, sedangkan mereka pula menanggung beberapa orang anak. Bagaimanapun ibu-ibu tunggal tidak harus mengharapkan bantuan kewangan kerajaan semata-mata. Oleh kerana itu, kerajaan negeri merasakan perlunya alternatif sebagai jalan keluar untuk mengatasi permasalahan itu. Langkah yang paling berkesan dan mudah adalah menggalakkan ibu-ibu tunggal menceburi bidang perniagaan atau perusahaan secara kecil-kecilan. Sehubungan itu, kerajaan negeri akan mewujudkan Tabung Pinjaman Perniagaan Kecil tanpa faedah dengan kadar pinjaman maksimum 5 ribu ringgit. Tabung ini terbuka juga untuk peniaga-peniaga kecil lain, tetapi akan memberi keutamaan kepada ibu-ibu tunggal. Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak 1.0 juta ringgit bagi tujuan tersebut. Satu jawatankuasa akan ditubuhkan untuk menyelaraskan pinjaman ini yang akan dilaksanakan melalui Yayasan Perak. Satu terma atau syarat akan ditentukan oleh jawatankuasa berkenaan.

Sayugia dinyatakan bahawa sebaik mana dasar atau program yang dilaksanakan sekalipun, ia tidak akan memberi impak atau kesan yang positif pada kerajaan negeri Pakatan Rakyat jika maklumat dan informasi berkenaan tidak sampai pada rakyat. Sudah terang lagi bersuluh, arus media perdana tidak memberi ruang liputan yang adil pada program Kerajaan Negeri. Kalau ada sekalipun, ia lebih pada laporan yang diselewengkan faktanya. Begitulah juga dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) khususnya FM Perak yang bertapak di bumi Perak yang berdaulat dan diterajui Pakatan Rakyat, yang dipilih oleh rakyat untuk memerintah tetapi RTM umpama kacang lupakan kulit, sekadar manis di bibir dan tidak berpegang pada pepatah Melayu iaitu *di mana bumi dipijak di situ langit di junjung*. RTM Perak bukan sekadar tidak memberi ruang liputan pada majlis rasmi kerajaan negeri, malahan lebih teruk daripada itu tidak memberi gambaran yang adil, sebaliknya hanya yang negatif, tohmahan dan berniat jahat. Justeru itulah, pentadbiran Pejabat Menteri Besar, terpaksa menubuhkan Urus setia Penerangan Kerajaan Negeri dengan memperuntukkan 300 ratus ribu ringgit setahun bagi urus setia ini menganjurkan program-program penerangan dan bahan cetakan.

Sesuai dengan dasar keadilan kepada rakyat dan menghormati kebebasan mengamalkan budaya hidup dan aktiviti keagamaan serta pendidikan kaum lain, Kerajaan Negeri akan menubuhkan Urus setia Hal Ehwal Bukan Islam dengan peruntukan sebanyak 2.0 juta ringgit di bawah Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur & Kemudahan Awam, Tenaga, Air dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Bagi membolehkan dasar-dasar negeri berkeadilan dilaksanakan secara berkesan melalui projek-projek kecil pembangunan luar bandar, kerajaan akan menaikkan peruntukan kepada ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri daripada 100 ribu ringgit kepada 150 ribu ringgit setahun. Begitu juga dengan peruntukan kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri juga dinaikkan kepada 200 ribu ringgit setahun. Kerajaan bagaimanapun tidak mengabaikan pembangunan di kawasan-kawasan yang dimenangi oleh pembangkang, justeru itu, peruntukan yang sama turut disalurkan ke kawasan-kawasan tersebut. Bagi tujuan peruntukan tersebut disalurkan secara berkesan, satu Pusat Khidmat Masyarakat ditubuhkan di setiap kawasan berkenaan. Seorang Penyelia DUN akan dilantik bagi menguruskan Pusat Khidmat Masyarakat dengan peruntukan 1,500 ringgit sebulan bagi tujuan penyelenggaraan pejabat, pembayaran bil-bil dan elaun kerani.

Musibah atau bencana alam juga berlaku di luar jangkaan dan tanpa diduga. Musibah tersebut berlaku mungkin disebabkan kecuaiian manusia atau kerana sememangnya fenomena alam atau kerana ujian Allah swt. Apa pun sebabnya ia adalah ketentuan Allah S.W.T. Malah, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap permasalahan mangsa musibah tersebut. Peruntukan Tabung Pusingan Bantuan Bencana Alam sebanyak 30 ribu ringgit kepada pejabat daerah di seluruh Perak pada masa ini, ternyata terlalu kecil dan tidak mencukupi. Oleh itu, Tabung Bencana Alam tersebut akan dinaikkan kepada 50 ribu ringgit pada tahun 2009.

Tuan Yang Dipertua, strategi yang kedua pula meneruskan dasar perbelanjaan secara berhemah dan berjimat cermat serta mempertingkatkan hasil pendapatan negeri.

Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri akan terus mengambil pendekatan berhemah dan berjimat-cermat dalam pengurusan kewangan negeri. Untuk itu, Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 3/2008 iaitu Garis Panduan Bagi Perbelanjaan Secara Berhemah dan Langkah Mengurangkan Perbelanjaan Awam telah dikeluarkan dan perlu dipatuhi setiap jabatan. Antara kandungan pekeling berkenaan adalah kawalan elaun lebih masa, penjimatan utiliti seperti arahan menutup lampu ketika rehat, waktu pemasangan pendingin hawa dan penggunaan bekalan pejabat seperti kertas serta pembelian surat khabar.

Begitu juga dengan penganjuran seminar, persidangan, pameran dan mesyuarat di mana hendaklah dihadkan kepada yang benar-benar perlu sahaja dan keutamaan diadakan di premis kerajaan. Selain itu, semua cadangan untuk menyewa pejabat baru atau pengubahsuaian pejabat sedia ada serta lawatan sambil belajar atau lawatan keluar negara yang berkaitan pelaksanaan sesuatu kontrak atau projek adalah tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan YB. Pegawai Kewangan Negeri.

Dari segi prestasi perbelanjaan pula, Ketua Jabatan yang dapat mengurangkan perbelanjaan kepada kurang daripada 90% dianggap telah berjaya melaksanakan perbelanjaan berhemah dengan syarat tidak mengabaikan kebajikan warga kerja jabatan masing-masing. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pembangunan perlulah dibelanjakan dengan teratur dan cekap bagi memberikan nikmat pembangunan kepada masyarakat sekeliling.

Usaha-usaha memupuk budaya berjimat perlu diterapkan dalam sanubari setiap penjawat awam. Bagaimana kita berjimat di rumah kita, begitulah sepatutnya yang perlu dilakukan di pejabat. Untuk itu, saya meminta agar setiap Ketua Jabatan memberikan komitmen dalam menerapkan budaya berjimat-cermat di jabatan masing-masing.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saha-usaha meningkatkan hasil negeri merupakan antara agenda utama pentadbiran kerajaan Pakatan Rakyat. Untuk itu, mesyuarat Jawatankuasa Meningkatkan Hasil Negeri, Jawatankuasa Pelaburan Negeri dan Jawatankuasa Tunggakan Hasil Negeri telah diaktifkan kembali bagi mencari jalan meningkatkan hasil negeri. Antara langkah yang akan dilaksanakan adalah melalui pelaksanaan sistem tender kawasan pembalakan hutan mulai tahun 2008. Dengan sistem tender ini, kutipan hasil balak dijangka sebanyak 40.0 juta ringgit pada tahun 2009 iaitu meningkat 23.0 juta ringgit berbanding 17.0 juta ringgit pada tahun 2008.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri yang dipengerusikan oleh saya sendiri. Jawatankuasa ini berperanan untuk membuat syor kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri berhubung permohonan lesen mencari gali, penjelajahan, melombong sumber-sumber mineral yang ada seperti bijih timah dan air bawah tanah. Pengurusan sumber-sumber mineral ini akan dilakukan dengan penuh berhemah dengan tidak menjejaskan alam sekitar.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Strategi Ketiga, memastikan kesejahteraan rakyat dan peningkatan kualiti kehidupan di luar bandar dan bandar.

Tahun 2008 merupakan tahun ke-3 bagi Program Setinggalan Sifar Perak 2010. Sehingga 18 Ogos 2008, Kerajaan Negeri telah meluluskan 138 kawasan Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) khas untuk setinggalan yang melibatkan kawasan seluas 4,299 ekar dan boleh menyediakan 34,392 lot tapak rumah. Untuk menampung kos pembangunan RPT ini, kaedah penswastaan digunakan melalui pemberimilikan sebahagian lot tapak rumah atau tanah kerajaan kepada pihak swasta. Dengan kaedah penswastaan tersebut, pihak kerajaan akan diperuntukkan 30% daripada tanah yang dibangunkan manakala 70% yang lain akan diberikan kepada pihak swasta.

Dalam usaha untuk mempercepat pembangunan RPT bagi penempatan semula setinggan, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pemilihan Pemaju (JPP) yang dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri. Fungsi utama jawatankuasa ini adalah untuk memilih dan melantik pemaju untuk membangunkan Rancangan Perkampungan Tersusun atau lain-lain pembangunan hartanah dalam konteks penyelesaian setinggan. Sehingga 25 Ogos 2008, Jawatankuasa tersebut telah memilih pemaju bagi 28 kawasan RPT di Negeri Perak yang kebanyakannya terletak di Lembah Kinta. Kerajaan Negeri juga berkeyakinan bahawa sehingga penghujung tahun 2009, lebih kurang 20% setinggan atau 2,856 daripada 14,282 keluarga dapat diselesaikan. Ini berdasarkan sehingga bulan Ogos 2008, seramai 1,674 setinggan atau 12% berjaya diselesaikan secara penempatan *in-situ*.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, di samping usaha untuk menjadikan Negeri Perak sebagai negeri berkebakikan, peruntukan untuk pembangunan terus disediakan bagi menyediakan kemudahan infrastruktur yang sempurna kepada rakyat serta dapat mewujudkan iklim pelaburan yang mantap untuk pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negeri.

Bagi meneruskan pembangunan kemudahan dan infrastruktur awam ini, pada tahun 2009 Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sejumlah 68.82 juta ringgit. Peruntukan sebanyak 60.0 juta ringgit yang disediakan kepada Jabatan Kerja Raya akan digunakan untuk melaksanakan pelbagai projek baru dan sambungan yang telah diluluskan. Manakala peruntukan sebanyak 8.82 juta ringgit yang disediakan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran akan digunakan untuk menyiapkan dan projek-projek baru RMK-9. Keutamaan diberikan kepada rancangan tebatan banjir dan sistem pengairan dan saliran pertanian.

Pada tahun 2008, Jabatan Pengairan dan Saliran menggunakan peruntukan sebanyak 14.85 juta ringgit untuk mengatasi masalah banjir dan pemeliharaan sungai iaitu 4.85 juta ringgit daripada peruntukan negeri dan 10.0 juta ringgit daripada Kerajaan Persekutuan. Antara projek yang dilaksanakan di bawah peruntukan negeri adalah Rancangan Tebatan Banjir Sg. Hangai, Gerik dengan kos 1.14 juta ringgit. Selain itu projek menaik taraf parit di Pasir Panjang, Sitiawan dengan kos 856 ribu ringgit dan pencegahan banjir di Sg. Tupai, Sg. Larut dan Batu Tugoh, Taiping dengan kos 600 ribu ringgit.

Bagi tahun 2009, Kerajaan Negeri memperuntukkan 9.0 juta ringgit untuk kerja-kerja tebatan banjir dan pemeliharaan sungai di negeri ini iaitu 6.0 juta ringgit daripada peruntukan pembangunan dan 3.0 juta ringgit daripada peruntukan mengurus. Projek-projek utama yang akan dilaksanakan adalah pelbagai projek pemeliharaan sungai, pencegahan hakisan sungai, pencegahan banjir serta memperbaiki sungai di kawasan bandar di Daerah Kerian, Larut, Matang, Selama, Kuala Kangsar, Kinta, Perak Tengah, Hilir Perak dan Manjung dengan peruntukan sebanyak 5.5 juta ringgit.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Negeri telah diperuntukkan sebanyak 503.6 juta ringgit bagi projek bekalan air bagi sepanjang RMK-9. Semasa Kajian Separuh Penggal RMK-9 pada bulan Jun 2008, permohonan peruntukan tambahan untuk semua projek bekalan air bagi tempoh RMK-9 telah tidak diluluskan. Namun begitu, perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan bekalan air tetap akan diteruskan berdasarkan siling peruntukan yang masih berbaki sebanyak 96.1 juta ringgit. Pada tahun 2009 sebanyak 69.0 juta ringgit telah diluluskan di bawah pinjaman Kerajaan Persekutuan dan 87.42 juta ringgit daripada peruntukan LAP akan digunakan untuk empat (4) projek sambungan dan tujuh (7) projek baru yang telah dimulakan dan akan siap pada tahun 2009.

Antara projek-projek sambungan yang sedang dijalankan adalah pemasangan paip utama dari tangki air Teluk Intan ke tangki baru Bt. 8, Mukim Durian Sebatang yang bernilai 18.09 juta ringgit dan kerja-kerja pembinaan empangan limpah berkawal di Sungai Slim bagi membolehkan peningkatan pengeluaran air di loji air Sg. Gelinting dengan kos sebanyak 11.2 juta ringgit. Projek utama lain yang sedang dilaksanakan adalah pemasangan paip *submarine* dengan izin sepanjang 3 km dari Teluk Batik ke Pulau Pangkor dengan kos 20.78 juta ringgit dan dijangka siap pada penghujung Mei 2009.

Selain itu, pembinaan tangki air menara bermuatan 2.27 juta liter untuk kawasan Tanjung Piandang dengan kos sebanyak 8.4 juta ringgit serta pemasangan paip utama dari Simpang Empat, Gunung Semanggol ke Sg. Gedung dan dari kolam air Tambun ke Taman Rapat Perdana. LAP juga akan terus berusaha untuk mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Berhasil (NRW) dengan sasaran sehingga 28% dengan usaha-usaha ditumpukan kepada penggantian paip-paip lama. Sehingga 30 September 2008, pencapaian peratus NRW untuk keseluruhan Negeri Perak adalah pada tahap 30%.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Negeri sentiasa menyokong sebarang usaha untuk menambah baik perkhidmatan awam kepada pelanggan antaranya dengan mempercepatkan tempoh bayaran kepada kontraktor atau pembekal dan menubuhkan Pusat Setempat atau *One Stop Centre (OSC)* dengan izin, di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudah cara Perniagaan (PEMUDAH) di peringkat Negeri Perak.

Mulai 1 Mac 2007 Kerajaan Negeri telah melaksanakan pembayaran kepada kontraktor dan pembekal dalam masa 10 hari bekerja, iaitu enam (6) hari di jabatan atau Pusat Tanggung Jawab (PTJ) dan empat (4) hari di Pejabat Pembayar (Bendahari Negeri). Prestasi bayaran bagi bulan September dan Oktober 2008 adalah masing-masing pada paras 99.92% dan 99.49%. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua jabatan yang terlibat.

Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) di kesemua 15 PBT di Negeri Perak mulai 13 April 2007 juga memberikan kemajuan positif di dalam penyampaian perkhidmatan awam. Konsep OSC iaitu "*semua dalam setempat untuk pembina dan pemaju*" akan berperanan menerima permohonan pembangunan tanah, kebenaran merancang dan pelan bangunan secara serentak supaya dapat diedarkan kepada jabatan atau agensi teknikal yang berkaitan untuk mendapatkan ulasan dan pandangan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Bagi tahun 2008, sebanyak 6 kali mesyuarat pemantauan pelaksanaan OSC telah diadakan di peringkat negeri sehingga 15 Oktober 2008. Manakala di peringkat PBT pula, mesyuarat jawatankuasa OSC telah diadakan sebanyak 170 kali dan berjaya menyelesaikan 3,382 permohonan atau 80.29% daripada 4,212 permohonan yang diterima.

Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Pasukan Petugas Pemudah cara Perniagaan (PEMUDAH) yang terdiri daripada gabungan 23 orang ahli iaitu 13 orang dari sektor awam dan 10 orang dari sektor swasta. PEMUDAH ini berfungsi bagi memudahkan urusan perniagaan di Negeri Perak dengan mengenal pasti penambahbaikan kepada proses dan peraturan kerajaan yang sedia ada berdasarkan maklum balas awam dan laporan-laporan penanda aras dunia. Selain itu, adalah dengan memberi cadangan perubahan yang perlu dilakukan ke atas dasar yang berkaitan perniagaan kepada Kerajaan Negeri. Bagi melicinkan fungsi dan peranan PEMUDAH ini, dua (2) jawatankuasa telah dibentuk iaitu Jawatankuasa Meningkatkan Keberkesanan Jentera Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa Meningkatkan Sosioekonomi dan Penambahbaikan Dasar Kerajaan. Sehingga 31 Oktober 2008, pasukan PEMUDAH negeri Perak telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali.

Pembangunan ICT Tuan Yang Dipertua pula, Kerajaan Negeri melihat pembangunan ICT wajar diteruskan agar dapat menjadi pemangkin pembangunan ekonomi untuk manfaat kepada rakyat. Oleh yang demikian, pada tahun 2009, peruntukan sebanyak 18.0 juta ringgit disediakan untuk tujuan pembangunan ICT ini.

Pelan Strategik ICT Negeri Perak yang dikenali KPerak 2010 telah dirancang bagi menjadikan negeri Perak sebagai negeri berpengetahuan yang berteraskan pembangunan ekonomi pengetahuan dengan menggunakan ICT sepenuhnya. Semenjak pelancarannya pada tahun 2005, kawasan seluas 209 ekar di Meru Raya telah mendapat taraf MSC Malaysia Cyber Center mulai 23 Oktober 2007. Pengiktirafan ini akan menarik minat pelabur-pelabur industri ICT dalam bidang seperti dengan izin, *creative multimedia content, shared services and outsourcing, data centre hub and application solution*.

Dalam usaha membangunkan industri dengan izin *creative multimedia content*, Kerajaan Negeri bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan KPerak Implementation and Coordination Corporation (KPerak INC) telah berjaya membawa Spacetoon International, sebuah syarikat antarabangsa dengan nilai pelaburan berjumlah 79 juta ringgit. Melalui pelaburan tersebut, produk bernilai

700 juta ringgit hingga 1 bilion ringgit dijangka dapat dihasilkan untuk dieksport ke negara Timur Tengah, Afrika, Eropah, India, China, Korea Selatan, Australia dan New Zealand dalam tempoh tujuh tahun akan datang. Bagi fasa pertama, filem animasi 2D dengan 156 episod untuk pasaran Timur Tengah dan Eropah akan mula dikeluarkan mulai bulan Disember 2008. Pengeluaran filem animasi ini akan memberi peluang kepada 120 orang pelukis animasi 2D.

Di samping itu, KPerak INC dengan kerjasama sebuah syarikat tempatan iaitu GO Academy akan memulakan pengeluaran filem-filem animasi 3D mulai bulan November 2008. Projek ini akan memberikan peluang pekerjaan kepada 30 orang pelukis animasi 3D. Dalam jangka panjang, pelaburan ini akan melibatkan lebih dari 20 syarikat *creative multimedia content* dengan pengeluaran dan pengalaman di peringkat antarabangsa melalui projek-projek secara *outsource* oleh Spacetoon International. Dianggarkan sehingga 1,500 peluang pekerjaan bernilai tinggi dapat diwujudkan oleh industri ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dalam bidang *shared services and outsourcing*, KPerak INC dengan kerjasama Emagin Networks Services Sdn. Bhd iaitu anak syarikat KristEL dari Britain akan mewujudkan dengan izin *call/contact centre* bagi memberi perkhidmatan kepada syarikat tempatan dan antarabangsa. Fasa pertama pusat perkhidmatan ini akan mula beroperasi pada bulan Disember 2008 dan akan memberi peluang pekerjaan dan latihan kepada 30 orang agen perkhidmatan pelanggan.

Selain itu, beberapa program latihan telah dan sedang disediakan untuk ditawarkan kepada penduduk negeri Perak. KPerak INC dengan kerjasama GO Academy telah mewujudkan pusat latihan bagi memberikan latihan kepada pekerja-pekerja dalam animasi 2D dan 3D, dengan izin *visual and sound effects* dan fotografi. Kursus peringkat ini telah mendapat pengiktirafan dari City and Guilds International, London. Di antara 100 hingga 150 orang pekerja mahir akan dikeluarkan melalui program latihan-latihan ini setiap tahun.

Tuan Yang Dipertua, bagi menampung keperluan pekerja mahir sebagai agen dalam bidang *shared services and outsourcing*, KPerak INC dengan kerjasama Emagin Networks Services Sdn. Bhd akan memulakan kursus sijil dengan izin, Customer Relation Management yang diiktiraf oleh London Chamber of Commerce and Industry mulai bulan Oktober 2008. Seramai 640 agen perkhidmatan pelanggan akan dilatih sehingga tahun 2010 bagi menampung keperluan *call/contact centre* di seluruh negara.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua; bagi bajet tahun 2009, Penyata-Penyata Bajet Tahun 2009 sebagaimana terkandung di dalam Kertas-Kertas Dewan Bilangan 8/2009 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini mengandungi empat (4) perkara berikut:

- (i) Anggaran Hasil dan Terimaan Pembangunan berjumlah 711.84 juta ringgit;
- (ii) Anggaran Perbelanjaan Mengurus di bawah Maksud Tanggungan dan Bekalan berjumlah 561.0 juta ringgit;
- (iii) Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah 175.84 juta ringgit; dan
- (iv) Defisit berjumlah 25.0 juta ringgit.

Anggaran Hasil dan Terimaan Pembangunan tahun 2009 adalah sebanyak 711.84 juta ringgit yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Penerimaan Bukan Hasil berjumlah 672.93 juta ringgit dan Terimaan Pembangunan sebanyak 38.91 juta ringgit.

Hasil Cukai berjumlah 310.17 juta ringgit adalah meningkat 41.38 juta ringgit atau 15.39% berbanding anggaran 268.79 juta ringgit pada tahun 2008. Faktor utama kenaikan Hasil Cukai adalah daripada Cukai Tanah Semasa yang dijangka meningkat 26.0 juta ringgit kepada 190.0 juta ringgit. Selain itu, peningkatan ini adalah daripada hasil balak yang dianggarkan meningkat 23.0 juta ringgit kepada 40.0 juta ringgit kerana pelaksanaan sistem tender kawasan pembalakan mulai tahun 2008.

Faktor utama kenaikan Hasil Bukan Cukai sebanyak 16.19 juta ringgit kerana peningkatan hasil lesen tanah dan galian sebanyak 13.47 juta ringgit. Manakala faktor utama kenaikan Penerimaan Bukan Hasil berjumlah 35.99 juta ringgit kerana peningkatan 21.7 juta ringgit penerimaan bayaran balik pinjaman yang diberi kepada Badan Berkanun dan peningkatan pelbagai penerimaan daripada agensi kerajaan berjumlah 9.35 juta ringgit. Manakala Terimaan Pembangunan pula dijangka kekal sebanyak 38.91 juta ringgit seperti tahun 2008.

Peruntukan yang dicadangkan bagi Perbelanjaan Mengurus tahun 2009 ialah sebanyak 561.0 juta ringgit berbanding 477.41 juta ringgit pada tahun 2008 iaitu meningkat 83.59 juta ringgit atau 17.51%. Peningkatan utama dalam Perbelanjaan Mengurus 2009 adalah kenaikan perbelanjaan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak 30.98 juta ringgit bagi menampung kenaikan harga kos barangan dan perkhidmatan serta perbelanjaan utiliti.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, peningkatan lain adalah perbelanjaan di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap yang meningkat 26.13 juta ringgit kepada 250.93 juta ringgit pada tahun 2009. Punca utama pertambahan ini adalah kenaikan 23.53 juta ringgit untuk bayaran balik hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan berdasarkan jadual bayaran balik hutang. Selain itu, perbelanjaan di bawah Aset turut meningkat 19.26 juta ringgit kepada 25.31 juta ringgit berbanding 6.05 juta ringgit pada tahun 2008. Ini kerana Kerajaan Negeri bersetuju menyediakan peruntukan sebanyak 13.85 juta ringgit untuk pembelian harta modal dan *one off* kepada jabatan-jabatan negeri yang mana ianya dibekukan pada tahun 2008.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2009 mengikut Objek Sebagai adalah seperti berikut:

- (i) Emolumen berjumlah 226.28 juta ringgit, iaitu meningkat 1.85 juta ringgit atau 0.83%;
- (ii) Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah 177.83 juta ringgit, iaitu meningkat 30.98 juta ringgit atau 21.10%;
- (iii) Aset berjumlah 25.31 juta ringgit, iaitu meningkat 19.26 juta ringgit atau 318.55%;
- (iv) Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah 114.0 juta ringgit, iaitu meningkat sebanyak 26.13 juta ringgit atau 11.63%; dan
- (v) Perbelanjaan Lain seperti bayaran pampasan, hapus kira, bayaran balik hasil dan sebagainya berjumlah 17.59 juta ringgit iaitu meningkat sebanyak 350 ribu ringgit atau 2.03%.

Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua, Kerajaan Negeri sentiasa komited dengan agenda pembangunan yang perlu diteruskan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan hidup rakyat. Untuk itu, pada tahun 2009, peruntukan pembangunan disediakan sebanyak satu ratus tujuh puluh lima juta, lapan ratus tiga puluh lapan ribu ringgit (RM175,838,000) iaitu berkurangan sebanyak 5.01 juta ringgit atau 2.77% berbanding RM180,850,000 pada tahun 2008. Pengurangan ini adalah kerana projek Kolej Islam Darul Ridzuan dan bangunan baru Jabatan Perhutanan Negeri dengan jumlah peruntukan sebanyak 9.3 juta ringgit pada tahun 2008 telah siap.

Walau pun peruntukan pembangunan dilihat sedikit berkurangan, tetapi peruntukan untuk kesemua jabatan adalah kekal seperti tahun 2008 manakala peruntukan kepada beberapa jabatan meningkat iaitu Jabatan Kerja Raya bertambah sebanyak 687 ribu ringgit (1.16%), Jabatan Agama Islam sebanyak 1.0 juta ringgit (25.0%) dan Jabatan Kehakiman Syariah sebanyak 600 ribu ringgit (30.0%). Pengurangan peruntukan hanya kepada Jabatan Perhutanan Negeri yang disediakan 5.1 juta ringgit seperti dipohon kerana bangunan pejabat baru telah siap. Pengurangan lain adalah kepada Pejabat Kewangan Negeri-Pelbagai Projek yang disediakan 47.6 juta ringgit kerana projek Kolej Islam Darul Ridzuan telah siap.

Pada tahun 2009, sebahagian besar perbelanjaan pembangunan ditampung oleh peruntukan secara langsung melalui caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah 136.93 juta ringgit manakala 38.91 juta ringgit lagi diterima daripada Lain-Lain Terimaan Pembangunan seperti Pemberian Persekutuan berdasarkan Tahap Ekonomi, Pemberian Pertambahan Hasil dan Pelbagai Terimaan.

Peruntukan Pembangunan berjumlah satu ratus tujuh puluh lima juta, lapan ratus tiga puluh lapan ribu ringgit (RM175,838,000) diagihkan kepada 10 jabatan yang bertanggungjawab melaksanakan projek-projek pembangunan negeri. Pembahagian secara keseluruhan mengikut Maksud-Maksud adalah seperti berikut:

Sejumlah enam puluh juta ringgit (RM60,000,000) diperuntukkan di bawah Maksud P.01 – Jabatan Kerja Raya iaitu meningkat 687 ribu ringgit berbanding tahun 2008 untuk pelbagai projek pembangunan infrastruktur. Projek pembangunan yang akan dilaksanakan meliputi pembangunan prasarana jalan, jambatan dan bangunan. Antara projek yang diteruskan pada tahun 2009 adalah projek membina jalan dan jambatan Pekan Chikus/Langkap, Hilir Perak dengan kos sebanyak 11.55 juta ringgit dan dijangka siap pada akhir bulan April 2009. Sementara itu, pelbagai projek baru sedang dalam peringkat reka bentuk antaranya membina jalan pintas Changkat Jong/Padang Tembak dan jalan Teluk Rubiah/Teluk Batik. Manakala pelbagai projek sedang dalam peringkat rekabentuk seperti menaik taraf jalan Raban/Durian Pipit, membaiki jalan Batu Kurau/Redang Panjang/Kubu Gajah dan menaik taraf Jalan Kota Bahru, Kinta.

Bagi projek-projek bangunan, projek yang akan diteruskan pada tahun 2009 antaranya adalah menyiapkan bangunan pejabat JKR Kuala Kangsar, membina bangunan tambahan asrama Institut Latihan Pegawai Awam (ILPA) dan meneruskan kerja-kerja menaik taraf bangunan Seri Perak Darul Ridzuan (SUK lama). Sebanyak empat (4) projek pembinaan pejabat dan rumah penghulu telah dirancang seperti di Mukim Bota, Mukim Pulau Tiga dan di daerah Manjung.

Sejumlah dua puluh tujuh juta ringgit (RM27,000,000) kekal diperuntukkan di bawah Maksud P.02 – Perkhidmatan Masyarakat dan Luar Bandar. Daripada jumlah itu, sejumlah 23.8 juta ringgit atau 88.15% digunakan untuk pelbagai kerja dan perkhidmatan luar bandar termasuk bekalan air dan elektrik, kesihatan dan pendidikan. Sebanyak 1.5 juta ringgit atau 5.55% diperuntukkan bagi pelbagai jalan luar bandar dan jambatan serta 1.5 juta ringgit juga diperuntukkan untuk pelbagai projek pembangunan dan perbekalan keagamaan serta pembangunan insan. Manakala baki peruntukan 200 ribu ringgit disediakan untuk latihan dan pembangunan insan luar bandar.

Sejumlah lapan juta lapan ratus dua puluh ribu ringgit (RM8,820,000) diperuntukkan di bawah Maksud P.03 – Jabatan Pengairan dan Saliran bagi membiayai projek-projek tahun 2009. Antaranya adalah projek Pemeliharaan Sungai berjumlah 3.5 juta ringgit dan Rancangan Tebatan Banjir berjumlah 2.5 juta ringgit serta bagi tujuan pengairan dan saliran pertanian sebanyak 1.52 juta ringgit.

Sejumlah lapan juta tiga belas ribu ringgit (RM8,013,000) diperuntukkan di bawah Maksud P.04 – Jabatan Pertanian bagi membiayai pelbagai program yang telah dirancang. Antaranya adalah Program Industri Tanaman Makanan berjumlah 2.85 juta ringgit dan Khidmat Sokongan Teknikal berjumlah 1.41 juta ringgit. Selain itu adalah Kemudahan Perkhidmatan Pengembangan berjumlah 1.0 juta ringgit serta Pembangunan Usahawan dan Industri Asas Tani yang berjumlah 1.02 juta ringgit. Lain-lain adalah Program Pembangunan Sumber Manusia berjumlah 700 ribu ringgit dan Program Pengembangan dan Perundingan berjumlah 650 ribu ringgit.

Sejumlah lima juta dua ratus enam puluh ribu ringgit (RM5,260,000) diperuntukkan di bawah Maksud P.05 – Kerajaan Tempatan dan Perumahan Awam bagi membiayai pelbagai projek yang telah dirancang. Sejumlah 2.1 juta ringgit disediakan untuk pelbagai pembangunan infrastruktur, kemudahan awam dan komersial bagi Pihak Berkuasa Tempatan. Sebanyak 3.16 juta ringgit diperuntukkan untuk projek-projek perumahan awam. Daripada jumlah ini, sebanyak 1.16 juta ringgit untuk pelbagai pengambilan tanah bagi perumahan awam, sebanyak 976 ribu ringgit disediakan untuk pelbagai penyediaan tapak dan infrastruktur perumahan awam dan 634 ribu ringgit untuk Rancangan Perumahan Awam Jalan Bemban II Fasa III.

Sejumlah enam juta empat ratus empat puluh empat ribu ringgit (RM6,444,000) diperuntukkan di bawah Maksud P.06 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Sebahagian besar peruntukan ini disediakan untuk pembangunan komoditi ruminan besar sebanyak 2.05 juta ringgit dan pembangunan pembiakbakaan sebanyak 1.1 juta ringgit. Peruntukan yang lain disediakan untuk pelbagai projek perkhidmatan veterinar di Negeri Perak.

Sejumlah lima juta satu ratus ribu ringgit (RM5,100,000) diperuntukkan di bawah Maksud P.07 – Jabatan Perhutanan di mana 2.35 juta ringgit disediakan bagi program ekopelancongan dan hutan lipur. Selain itu, 1.1 juta ringgit untuk program pengurusan sumber hutan manakala peruntukan yang lain disediakan untuk pelbagai program pembangunan hutan.

Sejumlah lima juta ringgit (RM5,000,000) diperuntukkan di bawah Maksud P.08 – Jabatan Agama Islam. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak 3.6 juta ringgit disediakan bagi pembinaan Masjid Daerah Batu Gajah. Sebanyak 1.4 juta ringgit disediakan untuk pembinaan pejabat agama dan projek pembangunan di Sekolah Raja Perempuan Taayah, Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah dan Sekolah Izzudin Shah.

Sejumlah dua juta enam ratus ribu ringgit (RM2,600,000) diperuntukkan di bawah Maksud P.09 – Jabatan Kehakiman Syariah bagi membiayai projek pembinaan mahkamah syariah di Daerah Batang Padang.

Sejumlah empat puluh tujuh juta enam ratus satu ribu ringgit (RM47,601,000) diperuntukkan di bawah Maksud P.10 – Pelbagai Projek bagi membiayai projek-projek pembangunan yang meliputi pembangunan teknologi maklumat, pelancongan, perindustrian, pengambilan balik tanah dan sebagainya. Sejumlah 18.0 juta ringgit kekal disediakan untuk Pelbagai Program Pembangunan Pengkomputeran dan 17.15 juta ringgit untuk Pelbagai Kerja/Perolehan Pembangunan. Selain itu sebanyak 7.2 juta ringgit disediakan untuk pelbagai penggalakan pelancongan dan industri dan 3.0 juta ringgit untuk pelbagai pengambilan balik tanah.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, walau pun Bajet Tahun 2009 Negeri Perak adalah Bajet Defisit bagi tahun kelima berturut-turut, namun defisit tersebut telah menurun dengan ketara berbanding tahun-tahun sebelum ini. Malah saya yakin dan percaya bahawa dengan usaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan hasil negeri dan mengurangkan pembaziran, Kerajaan Negeri mampu mencapai bajet berimbang pada tahun-tahun hadapan.

Pentadbiran Kerajaan Negeri akan terus mentadbir sumber dan kekuatan negeri Perak ini berdasarkan lima prinsip iaitu adil, amanah, telus, wibawa dan berkeadilan. Pentadbiran Kerajaan Negeri memerlukan kerjasama penuh dan komitmen tinggi daripada warga perkhidmatan awam untuk melaksanakan agenda pembangunan rohani dan jasmani di negeri ini dengan lebih cemerlang. Di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat, pegawai awam dapat menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi tanpa tekanan dari mana-mana pihak.

Insyallah, dengan pentadbiran negeri yang adil, bersih dan cekap, negeri Perak akan terus lebih maju membangun dengan selamat dan sejahtera yang akan dinikmati bersama oleh segenap golongan masyarakat tanpa membezakan agama, bangsa dan ideologi politik. Walau pun begitu, apa yang lebih penting, kesemua pembangunan yang ingin dicapai oleh kita semua sentiasa diberkati oleh Allah Subhanahu Wa Taala.

Ya Allah Ya Tuhan kami, kami memohon restu menyerahkan Bajet Tahun 2009 Negeri Perak ini seikhlas doa dengan lafaz Bismillahi wa tawakkal 'alalLaah.

Saya mohon mencadangkan.

*Wabillahi Taufik Wal Hidayah. Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA:** Ada sokongan?

**Y.B. DRS. KHALIL IDHAM LIM BIN ABDULLAH:** Titi Serong menyokong.

**Y.B. TUAN YANG DIPERTUA:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan ini sehingga hari Selasa, 11 November 2008, jam 9.00 pagi.





